

**Jilid I  
Bil. 4**



**Hari Khamis  
12hb Oktober, 1978**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KELIMA**

*Fifth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**

*First Session*

## **KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 257]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
[Ruangan 284]**

### **USUL-USUL:**

**Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara—Lantikan Pengerusi dan Naib-Pengerusi [Ruangan 284]**

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 285]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.**

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**

„ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**

„ Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).**

„ Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**

„ Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUE TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**

„ Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**

„ Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**

„ Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).**

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**

„ Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**

„ Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**

„ Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).**

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).**

- Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,  
TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL Samad (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).

- Yang Berhormat TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Keluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAI BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MOY (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Khamis, 12hb Oktober, 1978

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN

## JENTERA KERAJAAN

**1. Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan :

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kabinet baru beliau untuk menjadikan sebuah Kabinet yang berjiwa rakyat dan bertindak dalam memberi perkhidmatan kepada keperluan negara dan rakyat; dan
- (b) apakah usaha-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memodenkan jenteranya di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah supaya perkhidmatan awam kita dapat memberi khidmat yang lebih berkesan dan cekap kepada rakyat.

**Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn):**

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan (a), saya suka memaklumkan bahawa pada saya Kerajaan yang berjiwa rakyat itu mestilah mempunyai dua sifat iaitu :

pertama, Kerajaan itu hendaklah bersatu padu dalam membuat keputusan untuk faedah dan kepentingan rakyat, dan kedua, Kerajaan itu mestilah penuh dedikasi dalam melaksanakan segala tanggungjawab yang diamanahkan oleh rakyat.

Berlandaskan kepada fahaman ini, maka saya telah menyusun semula keanggotaan Kabinet dan juga portfolio-portfolio Menteri-menteri Kabinet baru itu. Kabinet yang ada sekarang ini merupakan campuran tenaga lama dan tenaga baru yang pada pendapat saya boleh meresapi dan melahirkan kedua-dua sifat yang saya sebutkan tadi.

Saya telah juga mengujudkan kementerian baru iaitu Kementerian Wilayah Persekutuan, serta mengumpulkan semula portfolio-portfolio yang setanding, seperti menyatukan perumahan dengan kerajaan tempatan; tenaga, pos dengan letrik. Saya yakin bahawa Kabinet baru ini akan dapat melaksanakan amanah dan aspirasi rakyat dengan lebih berkesan lagi.

Bagi menjawab soalan (b), saya suka memaklumkan bahawa Kerajaan adalah secara berketerusan mengambil langkah-langkah, untuk meningkatkan kecekapan sistem dan jentera pentadbirannya dengan tujuan supaya dapat memberi khidmat yang lebih berkesan kepada rakyat.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil ialah :

- (a) menubuhkan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (UPTM) di Jabatan Perdana Menteri. Tugas unit ini ialah mengambil langkah-langkah yang membawa perubahan dan pembaharuan dalam pentadbiran Kerajaan di semua peringkat. Antara usaha-usaha yang dijalankan oleh UPTM ialah :
- (i) menjalankan kajian di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah untuk memodenkan jentera pentadbiran Kerajaan. Pada masa ini kajian mendalam sedang dijalankan di beberapa Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah. Syor-syor bagi mengadakan sistem dan prosidur yang lebih baik, khususnya di peringkat pentadbiran Negeri dan Daerah akan dikemukakan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk dilaksanakan.
- (ii) menyelaraskan usaha-usaha berkaitan dengan perancangan tenaga manusia, supaya dapat menghasilkan tenaga kerja yang terlatih dan berkemahiran bagi sektor awam

dan swasta. Dengan demikian, rancangan-rancangan pembangunan negara dapat mencapai kejayaan yang lebih cemerlang lagi, yang pada akhirnya akan membawa keuntungan dan kebaikan kepada rakyat.

- (b) Merancang dan melaksanakan sekim-sekim latihan bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan dalam berbagai-bagai bidang pentadbiran di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Di samping itu rancangan-rancangan latihan di peringkat ijazah lanjutan juga disediakan untuk pegawai-pegawai Kerajaan bagi melengkapkan mereka dengan pengetahuan kerja. Usaha-usaha ini akan dipergiatkan lagi pada masa-masa yang akan datang.
- (c) Memperluas fungsi dan liputan Biro Pengaduan Awam, yakni dengan menubuhkan Bahagian Suratkhbar yang mengesan aduan-aduan yang dimasukkan dalam akhbar-akhbar tempatan, dan dengan menubuhkan Bahagian Keadilan Sosial. Tugas Bahagian Keadilan Sosial ini ialah mengkaji aduan-aduan secara keseluruhan serta membuat syorsyor untuk mebetulkan sebarang tindakan atau keputusan yang tidak adil iaitu keputusan yang difikirkan membawa kepada (social injustice), khususnya ke atas orang-orang miskin, baik di sektor awam mahupun di sektor swasta. Dengan ini Biro pengaduan Awam akan bertambah berkesan di dalam usahanya berkhidmat kepada rakyat.
- (d) Memperbaiki sistem penilaian prestasi pelaksanaan. Dahulu sistem penilaian pelaksanaan projek-projek pembangunan adalah berasaskan kepada agensi yang melaksanakannya. Tetapi sekarang telah diubahkan kepada sistem yang berorientasikan program-program itu sendiri. Dengan perubahan ini dasar-dasar yang dilaksanakan dan issue-issue yang berbangkit dalam satu-satu program pembangunan dapat dinilai dan disemak dengan lebih teliti dan berkesan lagi. Dengan cara ini Kerajaan telahpun dapat menyelesaikan beberapa issue di dalam program-programnya. Kerajaan akan terus berusaha supaya program-programnya disusun dengan teratur dan dapat memberikan faedah kepada rakyat sebagai yang dirancang.

- (e) Memperbaiki jentera sistem pengawalan dan pengesanan projek pembangunan. Kerajaan perlu mempunyai keupayaan untuk mengetahui kedudukan tiap-tiap satu projek, sebab-sebab kelewatan pelaksanaan serta anggaran jangka masa bagi menyiapkan projek-projek dengan lebih tepat dan cepat. Maklumat-maklumat ini akan membantu Kerajaan dalam menentukan langkah-langkah pembetulan supaya mengatasi kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh agensi-agensinya pelaksana. Berhubung dengan ini, Kerajaan telahpun mengujudkan satu sistem pengesanan projek menggunakan komputer yang mana telah mula digunakan pada awal tahun 1978 ini.

**Tuan Lee Lam Thye:** Soalan tambahan. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi jawapan yang panjang mengenai langkah-langkah yang telah diambil untuk memodenkan jenteranya di peringkat Negeri, Daerah dan juga Persekutuan. Di sini ingin saya bertanya kepada Yang Amat Berhormat samada beliau sedar bahawa sehingga hari ini masih terdapat banyak sungutan-sungutan daripada orang ramai bahawa masalah bureaucratic red-tape masih ada wujud di sebilangan Jabatan-jabatan Kerajaan, misalnya di Pejabat Tanah, dan ini telah menghindarkan pentadbiran yang licin. Jika beliau sedar, saya ingin mendapat tahu apakah langkah-langkah yang Kerajaan hendak ambil untuk mengatasi masalah ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Langkah-langkah sudah disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi iaitu mengadakan kursus dan sebagainya, sudah diteliti jawapannya tadi, tetapi terpulang kepada Yang Amat Berhormat kalau ada lagi.

**Perdana Menteri:** Saya hendak menerangkan satu sahaja perkara. Kerajaan sedar berkenaan dengan aduan-aduan kelambatan, "bureaucratic attitude" pegawai-pegawai dan ini semua kita dapat daripada pengaduan-pengaduan yang dihantarkan oleh orang ramai melalui Biro Pengaduan Awam. Pengaduan-pengaduan ini semua dikumpul dan disusun pada perkara-perkara dan tempat-tempat yang difikirkan oleh rakyat tidak memberi kepuasan perkhidmatan. Maklumat-maklumat ini telah disampaikan kepada Kerajaan Negeri terutama kepada Menteri-menteri Besar dan Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri supaya mereka ini mengetahui

aduan-aduan, sungutan-sungutan rakyat jelata terhadap perkhidmatan yang diberi samada di peringkat Negeri mahupun di peringkat Daerah. Dan langkah-langkah yang saya sebutkan tadi ialah langkah-langkah bagi hendak membetulkan lagi, memperkemaskan lagi dan mempercepatkan lagi keupayaan dan kebolehan pegawai-pegawai Kerajaan memberi perkhidmatan yang lebih memuaskan lagi kepada rakyat jelata.

**Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad:**

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kabinet berjiwa rakyat ini baru diumumkan dan Perdana Menteri tadi telah menjelaskan bahawa konsep ialah hendak mewujudkan Kabinet yang bersatu-padu dan dedikasi untuk kepentingan rakyat. Berbangkit daripada konsep ini dan berbangkit daripada ianya baru dikemukakan sekarang, adakah ini bermakna bahawa Kabinet yang telah lalu tidak mempunyai jiwa rakyat dengan pengertian bahawa tidak wujud dedikasi dan bersatu-padu dan dengan demikian segala khidmat-khidmat lebih menguntungkan golongan-golongan feodal dan vested interest dalam masyarakat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini tidak perlu dijawab, tidak berhubung dengan soalan asal.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan selepas Pilihanraya Besar bahawa akan ditubuhkan satu Kerajaan yang berjiwa rakyat, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa perkembangan selepas Pilihanraya Besar sampai hari ini menunjukkan bahawa tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan di banyak tempat di negara kita bukan sahaja tidak berjiwa rakyat, tetapi anti-rakyat di mana gerakan secara besar-besaran dilancarkan terhadap golongan-golongan seperti setinggan-setinggan di Bentong dirobahkan rumah-rumah mereka, tidak menghiraukan samada penduduk-penduduk yang ini terdiri daripada orang-orang miskin ada rumah lain. Seperti di Kluang di mana gerai-gerai penjaja-penjaja yang menjalankan perniagaan selama 18 tahun dirobah, tidak menghirau samada mereka boleh mencari kehidupan yang lain. Di Batu Pahat misalnya di Tanjung Laboh petani-petani yang bertani seluas 2,000 ekar menanam sayur-sayuran untuk mendapat satu kehidupan dimusnah . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, soalan tambahannya apa?

**Tuan Lim Kit Siang:** . . . . tidak menghiraukan samada mereka boleh dapat satu pendapatan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengeluarkan satu arahan yang jelas dan terus-terang kepada Kerajaan di semua peringkat bahawa janganlah diambil tindakan terhadap orang-orang miskin tanpa rancangan yang lain yang boleh bantu atau gantikan kehidupan mereka.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, pandangan Ahli Yang Berhormat mengatakan tindakan Kerajaan atas perkara-perkara yang disebutkan itu ialah menafikan hasrat kita menubuhkan Kerajaan berjiwa rakyat dan beliau terus mengatakan tindakan semacam itu Kerajaan tidak berjiwa rakyat dan anti-rakyat katanya. Saya mengaku masalah-masalah berbangkit dan masalah-masalah dalam negara kita masih banyak dan akan timbul masalah-masalah lagi. Tetapi pandangannya atas satu-satu perkara itu, misalnya berkenaan dengan pemindahan setinggan-setinggan rasa saya factual information yang diberikan itu tidaklah tepat, Beliau cuma memberi umum sahaja, iaitu pemindahan setinggan-setinggan dalam satu tempat itu dengan tidak ada memberi tempat-tempat yang lain. Saya tidak hendak menjawab dakwaan atau pandangan Ahli Yang Berhormat itu tetapi kalau Ahli Yang Berhormat itu boleh memberi dan menyampaikan kepada pihak saya atau Menteri yang berkenaan atas satu-satu perkara yang difikirkan menyusahkan dan tidak adil dalam segi pemindahan setinggan-setinggan ini, silalah berhubung.

Saya suka juga menambahkan iaitu tidak semua tindakan Kerajaan walaupun tindakan itu dikenakan kepada golongan rakyat yang disifatkan miskin ialah tindakan yang tidak adil dan salah. Kalau demikian sikap kita maknanya Kerajaan tidak boleh mengambil tindakan kepada golongan-golongan yang melanggar undang-undang, yang melanggar peraturan-peraturan. Jadi bermakna Ahli Yang Berhormat itu berkehendakkan cara sistem pentadbiran dalam negeri ini di mana siapa pun boleh bermaharajalela membuat apa suka, melanggar peraturan dan aturan dan undang-undang . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercakap begitu.

**Perdana Menteri:** Maksudnya?

**Tuan Lim Kit Siang:** Social justice mesti dijaga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan menyampuk kalau tidak dibenarkan oleh Pengerusi.

**Perdana Menteri:** Social justice tidak bermakna seseorang itu boleh melanggar peraturan dan undang-undang negara (*Tepuk*).

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan Yang Amat Berhormat sebagai Perdana Menteri yang telah dibebankan dengan tugas-tugas yang amat berat maka adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercadang untuk mengadakan seorang Timbalan Menteri untuk membantu Yang Amat Berhormat dalam soal Kementerian Wilayah Persekutuan?

**Perdana Menteri:** Itu akan diberi pertimbangan dan perhatian.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa terdapat kelemahan di dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai terutama sekali di Jabatan Kerajaan Tempatan. Satu contoh kami hendak beri kepada Kerajaan, dekat 15 buah rumah dibakar di kawasan Lorong Scott, Kuala Lumpur. Sampai sekarang penduduk-penduduk di sana tidak dapat jaminan rumah baru atau flat daripada Bandaraya Kuala Lumpur. Ini boleh dikatakan satu contoh macam mana Kerajaan yang birokratik. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab macam mana Kerajaan mahu ambil tindakan atas perkara ini?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjelaskan. Tadi Ahli Yang Berhormat menggunakan perkataan "dibakar" ataupun "terbakar". Ahli Yang Berhormat menggunakan perkataan dibakar. Kerajaan Barisan Nasional tidak membakar rumah orang (*Ketawa*) tetapi maksud Ahli Yang Berhormat itu ialah terbakar. Saya tidak mengetahui bilangan masalah yang disebutkan itu, kalau Ahli Yang Berhormat boleh memberi saya lapurannya, saya akan menengokkan masalah ini.

**Dr Chen Man Hin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu konsep baru Kerajaan berjiwa rakyat. Adakah konsep ini ada termasuk, sebab dalam Pilihanraya Umum ada beberapa peratus rakyat jelata yang menyokong Kerajaan tetapi ada juga beberapa peratus yang tidak menyokong. Adakah ini aspirasi-aspirasi rakyat? Adakah meliputi rakyat yang tidak sokong Kerajaan, yang sokong Pembangkang?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba jelaskan semula soalan itu. Apa soalan tambahannya?

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, konsep Kabinet berjiwa rakyat ini adakah meliputi semua rakyat termasuk rakyat yang tidak mengundi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tentulah semua, takkan hendak diasingkan pula. Damansara semua dapat! (*Ketawa*)

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan sekali lagi daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri takrif Kerajaan berjiwa rakyat. Adakah maknanya Kerajaan berjiwa rakyat ikut suka-suka hati rakyat hendak buat apa-apa, kemudian mengadu kepada Wakil Rakyat dan Kerajaan mesti menyetujui segala kehendak-kehendak rakyat seperti contoh-contoh yang dikemukakan oleh parti-parti Pembangkang tadi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini sudah dijawab juga iaitu Kerajaan berjiwa rakyat. Soalan bahagian kedua pun sudah dijawab, tidak payah lagi.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah mengatakan Kerajaan berjiwa rakyat akan mahu melahirkan sebuah Kerajaan yang bersatu padu dan berdedikasi. Oleh itu saya hendak bertanya memandangkan banyak masalah sudah berlaku yang sangat mengancam, baik di bidang sosial, ekonomi, kebudayaan dan pelajaran yang akan menghalang dan juga membawakan satu consequence yang buruk terhadap pembinaan negara kita. Adakah Kerajaan yang berjiwa rakyat ini mahu menubuhkan satu Suruhanjaya Di Raja atas issue perpaduan rakyat supaya matlamat-matlamat bersatu padu dan berdedikasi ini dapat dicapai.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kita sampai peringkat Parlimen Kelima. Saya mengetahui sikap Pembangkang ini. Kalau ada sedikit perkara besar atau kecil hendak mengadakan Suruhanjaya. Masalah-masalah yang dibangkitkan ini tidak setiap kali hendak mengadakan Suruhanjaya Di Raja menyasat perkara itu, Kerajaan ada kemampuan dalam masalah-masalah yang diketahui, yang sudah diidentifikasi dan dikenalkan. Kerajaan mengambil ikhtiar dan berusaha bagi mengatasi masalah-masalah ini tetapi tidaklah payah tiap-tiap kali maknanya tidak ada tandas di bahagian kawasan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka kita menubuhkan Suruhanjaya (*Ketawa*).

**Tuan P. Patto:** Soalan tambahan. Berikutan dengan apa yang diberitahu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang pertama ingin saya bertanya samada benar atau tidak pentadbiran sekarang adalah merupakan pentadbiran 19th Century seperti mana diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri beberapa bulan dahulu.

**Perdana Menteri:** Soal itu saya tidaklah hendak menjawab iaitu berkenaan dengan pandangan Timbalan Perdana Menteri. Kalau Ahli Yang Berhormat itu berfikir demikian, itu fahamannya, tetapi saya tidak fikir yang pentadbiran kita ini sampai jauh terkebelakang hingga ke 19th Century. Kita sudah menggunakan bulldozer, counting machine, komputer dan sebagainya, jadi keadaan pentadbiran kita tidaklah sampai ke 19th Century. Kalaupun rakan saya Timbalan Perdana Menteri menyebutkan seperti itu, barangkali ini hanya cakap berguraguru atau menambah-nambahkan sedikit bagi hendak menyedapkan percakapannya.

## ASEAN—KILANG UREA DI MALAYSIA

**2. Tuan Lee Boon Peng** minta Perdana Menteri menyatakan samada Malaysia sebagai salah sebuah negara dari lima buah negara ASEAN yang telah menerima faedah-faedah dari Doctrine Fukuda yang dipaparkan oleh Perdana Menteri Jepun di Manila pada bulan Ogos tahun lalu, terutamanya berkenaan dengan perjanjian untuk memberi pinjaman lembut (*soft-loan*) sebanyak US\$1 billion untuk membantu projek-projek perusahaan ASEAN yang dicadangkan seperti kilang urea di Malaysia.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah salah satu daripada lima negara ASEAN yang menerima faedah-faedah dari Doctrine Fukuda seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Berhubung dengan projek perindustrian ASEAN itu, sukalah saya memaklumkan bahawa dua daripadanya, iaitu projek baja urea di Indonesia dan di Malaysia, telah didapati sesuai (*feasible*) untuk dilaksanakan sebagai projek-projek perindustrian ASEAN. Sementara yang tiga lagi iaitu bagi Thailand, Singapura dan Filipina, adalah dalam peringkat kajian kemungkinan (*feasibility studies*).

Butir-butir berkenaan dengan bantuan pinjaman yang akan diperolehi dari Jepun bagi projek ASEAN di Malaysia, sedang disiapkan untuk dikemukakan secara rasmi kepada Kerajaan Jepun.

## RUNDINGAN PERDANA MENTERI DENGAN PRESIDEN SUHARTO

**3. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar** minta Perdana Menteri menyatakan perkara-perkara yang telah dibincang oleh beliau dengan Presiden Suharto di Labuan, Sabah, dan samada perkara pilihanraya umum di Malaysia pernah dibincangkan dan jika ya, samada terdapat menasabahnya perkara ini dan mengapa Labuan dipilih sebagai tempat perundingan seperti itu.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, rundingan saya dengan Presiden Suharto di Labuan pada bulan Mei yang lalu adalah di dalam rangka rundingan-rundingan yang kerap diadakan di antara pemimpin kedua-dua buah negara. Tujuannya ialah untuk bertukar pendapat mengenai perkembangan-perkembangan baru di rantau ini, dan membincangkan masalah-masalah yang ada berkaitan dengan kepentingan bersama kedua-dua buah negara:

Di Labuan, saya telah juga membincangkan dengan Presiden Suharto perkembangan-perkembangan di dalam ASEAN, khususnya dalam soal pelaksanaan persetujuan-persetujuan yang dicapai dalam Perjumpaan Pemimpin-pemimpin Kerajaan ASEAN di Bali dan juga di Kuala Lumpur.

Saya tidak membincangkan soal pilihanraya umum di Malaysia dengan Presiden Suharto.

Adalah menjadi amalan biasa rundingan-rundingan seperti ini diadakan di tempat yang berlainan dari masa ke semasa. Perjumpaan bulan Mei itu telah diadakan di Labuan oleh kerana Presiden Suharto belum pernah pergi ke sana.

**Tuan P. Patto:** Soalan tambahan. Adakah di dalam perjumpaan itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menyampaikan jemputan kepada Kerajaan Indonesia untuk menghantar seorang pemimpinnya menghadiri pilihanraya di sini?

**Perdana Menteri:** Ini memanglah menjadi kebiasaan apabila sesebuah negara itu mengadakan pilihanraya menyampaikan jemputan, menengok, mempelajari cara-cara kita menjalankan pilihanraya. Bukan sahaja jemputan itu disampaikan kepada Indonesia, tetapi kita sampakan juga kepada Thailand.

Begitu juga bila masa Indonesia mengadakan pilihanraya, ia menjemput kita ke sana, menengok—bukan mengambil bahagian di dalam pilihanrayanya, menengok kaedah-kaedah dan cara-cara dia menjalankan pilihanraya di negeri masing-masing.

#### LAWATAN PERDANA MENTERI KE PEKING

**4. Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan adakah dan berapa awalkah beliau akan membuat lawatan muhibbah ke Peking untuk membincangkan hal-hal yang berkepentingan bersama dengan pemimpin-pemimpin Negeri China sebagai suatu cara mengeratkan perhubungan diplomatik di antara kedua-dua buah negara.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerima jemputan dari Kerajaan Republik Rakyat China untuk melawat negara itu. Jemputan tersebut telah disampaikan melalui Menteri Luar Negeri kita, semasa lawatan beliau ke Negeri China baru-baru ini. Saya menerima jemputan itu, dan akan melakukan lawatan itu pada satu tarikh yang sesuai bagi kedua-dua pihak.

**Tuan Lee Kaw:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menimbangkan permohonan-permohonan untuk melawat negeri Republik Rakyat China selain dari

pada tiga syarat yang diimpose di Pejabat Imigeresen iaitu:

- (i) rakyat di Malaysia yang ada saudara di negeri China,
- (ii) orang sakit,
- (iii) jemputan daripada negeri China.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, kalau hendak pergi, beritahu sahajalah, berjumpa perlahan-lahan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. (*Ketawa*) Kalau Yang Amat Berhormat hendak jawab soalan tadi, bolehkah rakyat selain daripada yang tiga syarat yang dikenakan oleh pihak Imigeresen itu?

**Perdana Menteri:** Soalnya jemputan itu kepada saya, (*Ketawa*) tidak kepada Ahli Yang Berhormat. (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Nantilah, terima jemputan yang lain pula.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan tambahan di sini. Yang pertama, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini apakah hasil yang telah diperolehi selepas lawatan ke Peking oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri baru-baru ini.

Yang kedua ialah samada Kerajaan dapat menimbang untuk menghantar satu delegasi Parlimen yang dianggotai oleh Ahli-ahli Parlimen dari semua parti untuk membuat lawatan muhibbah ke negeri China?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu kalau dijemput. Biasanya kalau Ahli Parlimen itu diundang. Kalau tidak diundang, hidung tidak mancung pipi tersorong-sorong. (*Ketawa*) Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak jawab.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, itu soal lain. Saya ulangkan balik, jemputan ini kepada saya sahaja. Kalau ada jemputan kepada Ahli-ahli Parlimen tentu akan disampaikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan tadi relevant Yang Amat Berhormat, iaitu mengenai hasil lawatan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri.

**Perdana Menteri:** Mengenai hasil lawatan itu pun soalan lain. Rasa saya barangkali ada soalan-soalan di sini yang bertanya

berkenaan dengan hasil lawatan, barangkali menunggukan masanya bila dijawab. Kalau saya tidak silap ada soalan berkenaan dengan hasil-hasil lawatan ke negeri China. Tetapi bagi soalan tadi, ini tidaklah kenamengena dengan soalan yang ada ini.

### IDENTITI ASEAN

**5. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Malaysia akan menganjurkan untuk memperkenalkan identiti ASEAN, seperti mana terkenal Eropah yang telah menubuhkan European Economic Community (EEC) dan berura-ura hendak menubuhkan European Parliament, samada Malaysia melalui ASEAN Inter-Parliamentary Organization akan menganjurkan usaha ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, jawapannya: Ya, Malaysia bersama dengan negara-negara ASEAN yang lain telah pun berusaha memperkenalkan ASEAN di kalangan Negara-negara EEC. Sebenarnya, bertambahnya minat di kalangan negara-negara maju dan negara-negara sedang membangun untuk mengadakan dialog dengan ASEAN membuktikan kejayaan usaha-usaha ASEAN untuk meninggikan taraf dan imejnya. Untuk masa hadapan, Malaysia akan mengambil kesempatan yang ada untuk memperkenalkan ASEAN dengan lebih luas lagi kepada Parlimen Eropah, dengan berbagai cara, baik melalui rancangan-rancangannya sendiri atau melalui pertubuhan lain seperti "ASEAN Inter-Parliamentary Organisation" (Pertubuhan antara Parlimen ASEAN).

### AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN

**6. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau akan menyahut seruan yang dibuat dalam persidangan yang ditaja oleh Dewan Bersekutu Perusahaan Malaysia untuk memansuhkan Akta Penyelarasan Perindustrian kerana akta tersebut telah menghalang pelaburan, pertumbuhan ekonomi dan perluasan kek kebangsaan.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak dapat menyahut seruan yang dibuat oleh Gabungan Dewan-dewan Perniagaan Cina Malaysia atau mana-mana badan lain sekalipun supaya

Akta Penyelarasan Perindustrian dimansuhkan oleh kerana Kerajaan tidak bersetuju bahawa Akta tersebut telah menghalang pelaburan, pertumbuhan ekonomi dan perluasan kek kebangsaan.

Sukalah saya menegaskan bahawa undang-undang ini telah diadakan sebagai alat yang penting bagi mencapai segala dasar dan aspirasi negara di dalam bidang Perindustrian. Ianya bertujuan bukan untuk memberi faedah kepada sesuatu golongan sambil merampas hak-hak golongan yang lain. Akta ini juga bertujuan memastikan perkembangan sektor perkilangan yang lebih teratur dan diselaraskan yang mana boleh meningkatkan kepercayaan para pelabur untuk terus menanam modal dalam sektor ini.

Dari segi perkembangan pelaburan di negara ini, Kerajaan tidak bersetuju bahawa Akta ini merupakan faktor utama yang menyekat perkembangan tersebut. Sebagai contoh, bagi tempoh Januari hingga Julai 1978, bilangan projek-projek yang diluluskan telah bertambah 20% iaitu 162 kepada 195 jika dibandingkan dengan tempoh yang sama tahun lalu. Pelaburan modal yang dicadangkan bagi projek-projek ini telah meningkat daripada \$261 juta hingga \$470 juta. Apa yang mustahak diperhatikan ialah daripada pertambahan ini, pelaburan di dalam pembesaran (expansion) dan pelbagaian (diversification) projek-projek yang wujud telah meningkat dengan pesatnya iaitu sebanyak 190% daripada \$49.6 juta kepada \$145.8 juta. Ini menunjukkan Akta Penyelarasan Perindustrian tidak mempengaruhi keyakinan para pelabur membuat pelaburan di dalam projek-projek perkilangan yang mereka anggap boleh mendatangkan keuntungan kepada mereka.

Kerajaan sedar apabila Akta ini mula-mula diperkenalkan telah timbul kekhuatiran di kalangan setengah-setengah pihak di dalam sektor swasta terhadap tujuan sebenarnya Akta ini diadakan dan cara-cara ianya akan dikuatkuasakan. Kementerian saya setelah mengadakan perundingan dengan pihak swasta telah pada tahun 1977 meminda Akta tersebut sebagai langkah positif untuk menghapuskan sebarang keraguan. Kerajaan telah juga berusaha dengan bersungguh-sungguh menerangkan Akta ini kepada badan-badan perdagangan dan perindustrian dan juga kepada bakal-bakal pelabur. Dengan adanya langkah-langkah yang telah diambil itu, serta jaminan yang selalu diberi bahawa Akta ini

akan dikuatkuasakan secara flexible dan pragmatik, Kerajaan yakin sebahagian besar daripada mereka yang telah terlibat telah menerima Akta ini dalam bentuknya yang ada sekarang. Ini jelas kerana Akta ini tidak lagi menjadi issue yang penting di dalam pertemuan-pertemuan yang diadakan di dalam seminar-seminar pelaburan baik di dalam mahupun di luar negeri. Cuma pihak-pihak yang mempunyai motif yang tertentu sahaja yang masih mempunyai kesangsian terhadap tujuan Kerajaan mengadakan Akta ini.

Selain daripada ini, Kerajaan telahpun memberi jaminan bahawa Akta ini akan sentiasa dikaji dari semasa ke semasa dan jika perlu akan dipinda lagi bagi memperkemas lagi penguatkuasaannya. Dalam hubungan ini, berdasarkan perbincangan-perbincangan yang telah diadakan baru-baru ini dengan pertubuhan-pertubuhan dalam sektor swasta, Kementerian saya bercadang membuat pindaan-pindaan lanjut kepada Akta ini untuk menambahkan lagi keyakinan terhadap iklim pelaburan di negara ini.

Oleh yang demikian, Kerajaan tidak dapat menerima sebarang cadangan supaya Akta ini dimansuhkan sama sekali.

**Dr Chen Man Hin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya berasa sangat hairan sebab beliau tidak tahu ada satu badan jurucakap swasta iaitu Associated Chinese Chamber of Commerce ada membuat bantahan bagi Akta itu dan ada cadangan memansuhkan Akta itu dalam mesyuaratnya yang diadakan pada tahun ini, iaitu pada bulan April. Adakah beliau sedar atau tidak?

**Dato' Liew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan asal bukan bertanya adakah Kementerian sedar atau tidak, tetapi samada Kementerian akan menyahut seruan atau whether we heed the call. Kita sedar ada suatu persidangan seperti itu dan kita telah buat kajian dan seperti saya katakan tadi Kerajaan tidak bermaksud untuk menyahut seruan yang dibuat oleh Dewan itu.

**Tuan Chan Teck Chan:** Tuan Yang di-Pertua, kalau benar bukanlah ICA menyebabkan pelabur-pelabur tempatan dan asing kian merosot dalam dua tiga tahun ini, juga yang mengakibatkan ketidakpuasan dari kalangan rakyat kita umpamanya Dewan Persekutuan Pembuatan Malaysia, bolehkah

Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini apakah sebabnya pelaburan di Malaysia dalam dua tiga tahun kian merosot dan rakyat Malaysia khususnya dari pelabur-pelabur tempatan merasa sangat khuatir dan mereka mempunyai suatu sikap "wait and see".

**Dato' Liew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat itu tidak dengar atau tidak mahu dengar. Saya telah bagi contoh-contoh yang mana dalam bulan Januari-Julai tahun ini kalau dibandingkan dengan masa yang serupa tahun lalu, ada cadangan untuk membuat penanaman modal dari kilang pembuatan atau manufacturing sectors sudah bertambah \$39 juta naik ke \$87 juta, 20 cadangan sudah naik sampai 41. Adakah ini dikatakan merosot? Jadi saya tak mengerti apakah maksud beliau itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat itu dengar. Tetapi dia sudah siapkan soalan itu, supaya beri peluang Ahli Yang Berhormat pula menerangkan lagi.

**Tuan Hishamuddin bin Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, adakah angka pelaburan yang diberi oleh Timbalan Menteri itu tadi pelaburan yang datang dari luar negeri ataupun dari dalam negeri? Dan jika dari luar negeri dan dalam negeri, berapa peratus dari dalam negeri dan berapa peratus dari luar negeri?

**Dato' Liew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kalau saya hendak beri angka-angka, saya ada satu jadual (table) di sini dan akan memakan masa yang panjang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tak izinkan. Boleh diberi dengan jawapan bertulis.

## UNIVERSITI MERDEKA

**7. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan hasil dan keputusan Kerajaan atas petisyen yang dipersembahkan Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong oleh 4,000 buah organisasi-organisasi guild-guild China dan persatuan-persatuan untuk penubuhan Universiti Merdeka.

**Menteri Pelajaran (Dato' Musa Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, soal berhubung dengan Universiti Merdeka begitu banyak dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam

sidang Dewan kali ini. Saya menjangka juga bahawa di dalam masa perbahasan Titah Di Raja yang sedang berjalan sekarang dan di dalam Perbahasan Anggaran Belanjawan yang akan diadakan mulai 23hb Oktober sehingga 6hb November nanti, soal ini juga akan dibangkitkan berkali-kali.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan pada 10hb Oktober lepas bahawa usul yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling berhubung dengan soal yang sama juga akan diberi peluang oleh Kerajaan sepenuhnya untuk dibahas. Berasas kepada faktor-faktor di atas tadi dan untuk kepentingan orang ramai supaya perkara ini tidak dicebis-cebis sahaja, sepanjang masa mesyuarat Dewan yang mulia ini pada kali ini, saya tidak bercadang hendak menjawab soalan-soalan berhubung dengan perkara ini hanya menunggu perbahasan penuh yang telahpun dijanjikan oleh Kerajaan itu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah buat soalan tambahan lagi. Saya tidak izinkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sabar, duduk dahulu! Mengikut Peraturan Mesyuarat, Menteri boleh tidak memberi jawapan dengan izin Yang di-Pertua, itu satu. Yang kedua, soal ini sudah dibangkitkan di dalam Private Member's Bill dan juga sudah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri yang akan dibincangkan dengan sepenuhnya kelak; dia tidak mahu jawab sedikit-sedikit. Sekarang masalah di hadapan Majlis ini ialah selepas daripada Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut ini nanti akan juga boleh diterangkan di dalam Budget, dengan sebab itu saya tidak benarkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Chan Teck Chan. Cuba sekali-sekali ikut cakap saya sebelum saya marah. (Ketawa)

## PELABUHAN-PELABUHAN UNTUK DIPERMODENKAN

**8. Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah-langkah yang positif dan jangka-panjang telah diambil untuk mempermodenkan pelabuhan-pelabuhan di Pulau Pinang, Kelang dan Melaka supaya mutu perkhidmatan dan kecekapan pentadbiran dan fasiliti-fasilitinya dapat dipertingkatkan ke taraf antarabangsa, khasnya dari segi keselamatan supaya pelabuhan-pelabuhan tersebut dapat ditinggalkan dari senarai "Pelabuhan Hitam" sehingga imej Malaysia terancam.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam):** Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka membayangkan seolah-olah perkhidmatan dan kecekapan pentadbiran serta kemudahan-kemudahan yang terdapat di Pelabuhan-pelabuhan Kelang dan Pulau Pinang terlalu rendah dan mutu perkhidmatan keselamatannya pula sebegitu buruk sehingga pelabuhan-pelabuhan itu telah disenaraikan sebagai "Pelabuhan Hitam". Pada pendapat saya kemudahan-kemudahan yang terdapat di Pelabuhan-pelabuhan Kelang dan Pulau Pinang boleh dikatakan termoden dan setanding dengan kemudahan-kemudahan yang disedia di pelabuhan-pelabuhan yang lain di rantau ini. Dari segi keselamatan pula, Pelabuhan-pelabuhan Kelang dan Pulau Pinang mempunyai reputasi yang baik. Kejadian kecurian ada berlaku dan ini berlaku di mana-mana pelabuhan juga, tetapi angka bagi Pelabuhan-pelabuhan Kelang dan Pulau Pinang hanya sedikit sahaja.

Untuk makluman Yang Berhormat, dimaklumkan Pelabuhan Pulau Pinang sedang melaksana beberapa projek besar, di antaranya:

- (i) Pembinaan sebuah pengkalan kago pual.
- (ii) Pembinaan sebuah dermaga Kontena dengan kemudahan-kemudahan.
- (iii) Sebuah jeti untuk kapal minyak kelapa sawit.

Projek-projek di atas dianggar menelan belanja kira-kira \$136 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

Tujuan utama pelaksanaan projek-projek di atas ialah bagi memenuhi perkembangan moden dalam teknologi perkapalan dan pengendalian kago-kago, di samping untuk

menampung jumlah kago yang bertambah dari masa ke semasa. Projek-projek di atas dijangka dapat memenuhi perkembangan perdagangan sehingga 1983/84.

Sebagai tindakan jangka masa panjang, satu kajian kemungkinan sedang dilaksanakan bagi pembinaan kemudahan baharu ke Pulau Pinang. Kajian tersebut dijangka siap pada Jun, 1980.

Bagi Pelabuhan Kelang pula, projek-projek mempermodenkan pelabuhan termasuk:

- (i) Pembinaan pusat dermaga barang-barang muatan kering;
- (ii) Pusat dermaga (liquid) dan lapangan tangki;
- (iii) Dermaga "Dolphin" untuk kapal-kapal barang liquid dan dermaga-dermaga yang sepanjang 2,100 kaki di sambungan kedua Pelabuhan Utara.

Bagi menjamin tercapainya mutu perkhidmatan yang tinggi keseluruhan lapangan pusat Kontena akan diselaraskan (rationalize) untuk memudahkan pergerakan Kontena.

Mutu perkhidmatan dan kecepatan pentadbiran sentiasa diberi keutamaan melalui rancangan latihan di dalam dan di luar negeri dan dengan memperkemarkan lagi peraturan dan sistem kerja, termasuk kawalan keselamatan.

Bagi Negeri Melaka projek mengadakan satu jeti baru di Tanjong Keling yang berharga kira-kira \$8 juta sedang dalam proses pembinaan. Apabila jeti itu siap dibina, termasuk kemudahan-kemudahan infrastruktur yang perlu, adalah dijangka jeti tersebut boleh menerima kapal-kapal yang berat sehingga 15,000 tan.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan. Saya ingin mengetahui, disebabkan Sungai Melaka sangat cetek sehingga tongkang-tongkang tidak dapat menjalankan tugasnya untuk angkut-mengangkut kecuali air pasang maka adakah Yang Berhormat Menteri akan menyiasat perkara ini dan tindakan diambil untuk mendalamkan Sungai Melaka di Pelabuhan Melaka.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, kita sedar perkara ini dan apabila siap nanti jeti yang baharu seperti yang saya katakan tadi masalah ini boleh diatasi.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan saya ialah Sungai Melaka sekarang sudah menghadapi satu masalah yang sangat serious di mana tongkang-tongkang tidak dapat menjalankan kerjanya kecuali air pasang. Ertinya bila air penuh, mereka hanya dapat bekerja 4 atau 6 jam dan bila air surut, mereka tidak dapat menjalankan kerja. Sekarang saya hendak bertanya, adakah Yang Berhormat Menteri akan menghantar kapal pengorek ke Melaka untuk mendalamkan Sungai Melaka di Pelabuhan Melaka.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, saya boleh siasat atas perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lain kali apabila membuat pertanyaan macam itulah soalan tambahannya. Jangan panjang sangat bercakap.

**Wan Mohd. Najib bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan bercadang dengan pemodenan Pelabuhan Pulau Pinang dan membuat kajian dengan teliti tentang kemungkinan untuk membuka semula Pelabuhan Pulau Pinang sebagai pelabuhan bebas (free port) yang akan menjadikan pulau itu sebagai satu pusat membeli-belah atau pusat pelancungan yang ini akan mengurangkan pengaliran keluar wang Malaysia ke Singapura atau ke Thailand sebagaimana yang berlaku sekarang.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya perkara ini tidak berlaku sebab angka-angka yang kita dapat sekarang adalah menunjukkan banyak kago-kago ada datang ke Pelabuhan Pulau Pinang dan kita ada membesarkan untuk mengadakan cukup untuk masa hadapan. Jadi, saya percaya apa yang Ahli Yang Berhormat kita itu tidaklah benar, sebab sungguhpun ada pelabuhan-pelabuhan yang lain tetapi kago yang kita dapat di Pelabuhan Pulau Pinang ataupun di Pelabuhan Kelang dan juga di Johor Bahru dan lain-lain semakin hari semakin bertambah.

## PELABURAN ASING

**9. Tuan Lee Boon Peng** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Malaysia telah berjaya di dalam matlamatnya untuk menarik lebih banyak lagi

penanaman modal asing ke negara ini, terutama sekali semenjak misi-misi perdagangan beliau ke Eropah dan Amerika Syarikat baru-baru ini.

**Dato' Lew Sip Hon:** Kementerian saya melalui Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan atau FIDA telah mempergiatkan usahanya untuk menarik lebih banyak lagi pelaburan asing ke negara ini. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, FIDA, telah menganjurkan beberapa rombongan galakan pelaburan yang utama ke negara-negara pengeksport modal termasuk satu rombongan pelaburan yang pada masa ini sedang melawat Amerika Syarikat.

Hasil daripada beberapa rombongan pelaburan di luar negeri dan usaha-usaha galakan pejabat-pejabat FIDA di luar negeri, pelaburan asing dalam negara semakin meningkat dalam tahun-tahun berikutnya. Dalam tahun ini, sebagai misalan, pertambahan dalam pelaburan asing ke dalam negara adalah yang paling besar. Ianya menunjukkan pertambahan yang berkesan dari apa yang terdapat dalam tahun 1977. Pelaburan modal asing yang dicadangkan dalam syarikat-syarikat yang telah diluluskan bagi tempoh Januari-Julai 1978, jika dibandingkan dengan masa yang sama dalam tahun 1977, menunjukkan satu tambahan yang besar sebanyak 122% dari \$39 juta hingga ke \$87 juta. Dari segi bilangan, projek-projek kepunyaan asing dan usahasama (joint venture) bertambah dari 20 dalam tahun 1977 kepada 41 dalam tempoh yang sama bagi tahun 1978, suatu tambahan yang lebih daripada 100%. (Ini menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Maran tadi).

Hasil sepertimana yang dinyatakan tadi mencerminkan kejayaan rombongan-rombongan pelaburan dan usaha-usaha galakan FIDA.

Rombongan Pelaburan yang telah melawat Eropah dalam bulan Mei tahun ini juga telah membawa hasil-hasil tertentu. 12 kumpulan berasingan dari Eropah telah, hingga hari ini, melawat Malaysia untuk membuat penyelidikan susulan terhadap projek tertentu hasil dari minat yang menggunakan tenaga buruh yang ramai seperti komponen-komponen letronik bagi radio dan talivisyen hingga pada penubuhan projek-projek berasaskan pertanian seperti penapisan dan perpecahan minyak kelapa sawit. Adalah dijangka bahawa beberapa daripada

projek-projek ini akan ujud dalam beberapa bulan yang akan datang. Berkenaan dengan rombongan yang pada masa ini berada di Amerika Syarikat, ingin saya memaklumkan bahawa lapuran awal menunjukkan sambutan terhadap rombongan tersebut sangatlah menggalakkan. Walaubagaimanapun, sebarang hasil konkrit mengenainya akan mengambil masa.

**Tuan Hashim bin Endut:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapati banyak juga penanaman modal datang ke negara kita sebelum dan selepas berjayanya misi-misi perdagangan kita ke Eropah dan Amerika Syarikat dibuat oleh Kerajaan kita. Tetapi adakah Kerajaan atau Kementerian berkenaan sedar bahawa lazimnya pengusaha-pengusaha tersebut apabila diujudkan mengambil pekerja-pekerja terutamanya pegawai-pegawai eksekutif atau penyelia yang tidak bercorak atau mencerminkan rakyat Malaysia sebenarnya sebab kebanyakan kaum bumiputra diberikannya kerja-kerja buruh semata-mata.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan ialah apabila permohonan untuk mendirikan satu kilang diluluskan syarat-syarat mengenai pengambilan kakitangan mesti ada dalam surat kelulusan itu dan satu daripada syarat-syarat mengenai kakitangan ialah syarikat itu baik dari luar negeri, baik usahasama, baik dari penanaman modal daripada warganegara Malaysia mesti menggunakan kakitangan rakyat Malaysia dan juga dengan seberapa yang boleh menggunakan kaum bumiputra di semua peringkat. Ini adalah dasar dan perlaksanaannya itu dikawal bukan sahaja oleh Kementerian saya tetapi juga Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan pada amnya dasar ini diikuti oleh syarikat-syarikat asing dan juga syarikat-syarikat lain. Jika ada butir-butir yang lanjut mengenai mana-mana satu syarikat yang tidak mengikut dasar ini, sila berhubung dengan Kementerian saya.

**Tuan Yusof bin Malim Kuning:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah Kerajaan bercadang untuk menarik pelabur-pelabur dari Asia Barat khasnya negara-negara Teluk Parsi di negeri Arab.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa dengar tadi.

**Tuan Yusof bin Malim Kuning:** Adakah Kerajaan bercadang untuk menarik pelabur-pelabur dari Asia Barat, daripada negara-negara Teluk Parsi di negeri Arab.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Yang di-Pertua, kita menarik modal daripada luar negeri ada tujuan. Tujuan pertama kita hendak dapat teknologi dari negara-negara yang ingin menanam modal di negara kita ini. Yang kedua kita hendak dia punya pasaran (export) yang mana kita sekarang menggalakkan industri-industri yang mana buatan-buatan itu boleh diekspot. Jadi ini sangat mustahak dan kita tidak kira dari negara mana modal itu datang, baik daripada negara barat, timur tengah; timur atau selatan. Dasar ini berasas daripada penanam-penanam modal itu memberi teknologi yang mana kita ingin gunakan dan juga ada saluran untuk mengekspot buatan-buatan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya minta Setiausaha menyebutkan mengikut Aturan Urusan Mesyuarat selepas ini, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat semasa mengemukakan pertanyaan-pertanyaan ini baca betul-betul Peraturan Mesyuarat No. 23 dan 24, kerana masih banyak lagi samada yang menjadi Ahli Parlimen Yang Keempat terutamanya, banyak mengadakan pertanyaan lebih daripada peraturan. Ini saya sudah longgarkan sedikit. Tetapi kalau keterlaluan sangat, saya akan jalankan betul-betul mengikut kehendak Peraturan Mesyuarat. Saya sudah longgarkan sebenarnya Peraturan Mesyuarat ini supaya rancak sedikit perbincangan atau pertanyaan itu dalam Dewan ini. Tetapi kalau disalahgunakan kelonggaran saya itu, saya akan gunakan betul-betul mengikut Peraturan Mesyuarat. Itu maksud saya, sebelum saya marah itu, "marah" mengikut Peraturan Mesyuarat Bab 23, 24 cukup menjelaskan segala yang dikehendaki berkenaan dengan pertanyaan. Umpamanya Peraturan Mesyuarat 24 (4): "Sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dijadikan helah untuk berbahas." Ini biasa sangat dijadikan perbincangan. Jadi saya longgarkan juga sedikit tetapi tidak boleh banyak sangat. Umpamanya lagi, Peraturan Mesyuarat 23 (4): "Walau apa jua syarat yang disebutkan dahulu daripada ini, "seseorang Menteri yang diarahkan sesuatu pertanyaan kepadanya, dengan diperkenankan oleh Tuan Yang di-Pertua, boleh enggan menjawab pertanyaan

itu oleh sebab hendak memelihara faedah orang ramai dan keengganannya menjawab itu tidak boleh dibahaskan atau disoal." Dan terutama pula memang ada alasan-alasan, selain daripada alasan ini, ada alasan yang baik umpamanya seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran tadi. Sudah ada alasan cukup jelas tetapi masih hendak dibangkitkan lagi. Itu saya kenak syarat mengikut Peraturan Mesyuarat 23 (4) ini tadi. Kalau tidak saya memang benarkan juga. Dan lagi ada banyak juga hendak bertanya tetapi saya fikir sudah cukup perbincangan itu. Saya langkau kepada soal yang lain kerana memberi peluang kepada soal-soal yang di bawahnya. Kalau tidak soal pertama, kedua, ketiga hanya itu sahaja yang dapat. Saya hendakkan satu jam yang diberikan mengikut Peraturan Mesyuarat ini dapat dipenuhi dengan betul-betul pertanyaan dan jawapan yang memberi faedah. Kalau sesuatu pertanyaan itu sampai begitu lanjut, melainkan sesuatu perkara yang amat penting pada fikiran saya, maka diberi peluang kepada orang yang di bawah pula supaya dapat kita mengikut susunan ini. Dan saya mengingatkan lagi, bila saya minta seseorang Ahli Yang Berhormat bercakap saya tidak mengikut suara. Standing Order ini kata mengikut apa yang dilihat dahulu, kalau lebih daripada seorang bangun. Tetapi suara di sini terlalu kuat. Kalau kuat sangat, mengikut kuasa yang ada di sini juga, saya akan pindahkan tempat duduk (*Ketawa*). Tetapi saya tidak bercadang berbuat begitu. Kuasa itu ada pada Yang di-Pertua, boleh ubah kerusi tempat duduk. Itu bolehlah kuat-kuat sedikit jerit dari jauh sana. Ini sebagai ingatan sahaja, kita baru masuk hari yang ketiga dalam penggal pertama Parlimen Yang Kelima ini.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 12 adalah diberi di bawah ini).*

### SKIM PINJAMAN BUKU TEKS

**10. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa salah satu sebab yang buku teks itu tidak dapat disempurnakan kepada sekolah-sekolah ialah kekurangan pegawai-pegawai dan kakitangan dan jika sedar apakah langkah-langkah Kementerian ini untuk mengatasi perkara tersebut.

**Menteri Pelajaran (Dato' Musa Hitam):** Sebenarnya Kementerian Pelajaran memang sedar tentang kekurangan pegawai-pegawai dan kakitangan di Bahagian yang melaksanakan Skim Pinjaman Buku Teks ini. Tindakan telahpun diambil dan beberapa jawatan tambahan telahpun diluluskan untuk menguatkan lagi Biro Buku Teks dalam tahun 1979 yang akan datang ini.

### MAS—MANGSA KAPALTERBANG

**11. Tuan Karpal Singh** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) samada beliau bercadang mengarah supaya diadakan satu siasatan di dalam sebuah Mahkamah Undang-undang mengenai terhempasnya kapalterbang MAS di Johor Bahru atau beliau bercadang mengumumkan isi kandungan CVR kepada orang ramai;
- (b) bilangan keluarga mangsa-mangsa kapalterbang MAS yang terhempas di Johor Bahru yang telah dibayar pampasan, dan berdasarkan kepada formula apakah pampasan tersebut **dibayar**;
- (c) apakah langkah-langkah yang telah diambil selepas trajedi MAS itu untuk mengetatkan lagi keselamatan di lapangan-lapangan terbang diseluruh negara;
- (d) di dalam mesyuarat yang diadakan baru-baru ini oleh Menteri Perhubungan dengan keluarga mangsa-mangsa kapalterbang MAS yang terhempas di Johor Bahru, mengapakah keluarga mangsa-mangsa tersebut tidak dibenarkan diiringi oleh peguam-peguam mereka sedangkan Menteri berkenaan telah hadir di mesyuarat tersebut bersama dengan seorang Peguam Kanan Persekutuan; dan
- (e) apakah kemajuan yang telah dicapai berkait dengan hasrat Kerajaan untuk membina sebuah tugu peringatan di tempat pengkebumian mangsa nahas kapalterbang MAS terhempas.

**Tan Sri V. Manickavasagam:**

- (a) Siasatan yang dibuat oleh Ketua Pegawai Penyiasat Kemalangan kapalterbang adalah lengkap dan muktamad. Oleh itu Kerajaan tidak bercadang

hendak mengadakan apa-apa siasatan oleh Mahkamah Undang-undang (Court of Law) lagi. Tentang kandungan CVR ini telahpun dicetak. Di dalam laporan itu ialah setakat yang boleh diketahui daripada suara yang diperolehi daripada alat tersebut.

- (b) Setakat ini baru satu keluarga sahaja yang telah dibayar pampasan. Pembayaran itu berasaskan kepada undang-undang yang berkuatkuasa di Negara ini iaitu Akta Pengangkutan Melalui Udara Tahun 1974 (Carriage By Air Act 1974), Perintah Pengangkutan Melalui Udara (Pemakaian peruntukan-peruntukan) 1975 (Carriage By Air (Application of Provisions) Order 1975) dan Perintah Pengangkutan Melalui Udara (Persetujuan Ringgit) 1978 (Carriage By Air (Ringgit Equivalents) Order 1978).
- (c) Di antara langkah-langkah yang telah diambil bagi mengetatkan lagi keselamatan di lapangan-lapangan terbang di seluruh negara ialah pemeriksaan yang lebih ketat ke atas penumpang-penumpang dan pekerja-pekerja yang bertugas di "airside" di lapangan-lapangan terbang itu.
- (d) Perjumpaan itu telah diadakan atas permintaan keluarga mangsa-mangsa kapalterbang MAS dan saya telah bersetuju dengan permintaan itu dengan tujuan untuk mendengar apa-apa kesulitan yang dihadapi oleh mereka. Oleh itu saya berpendapat tidak perlu bagi peguam-peguam mereka hadir bersama. Kehadiran Peguam Kanan Persekutuan adalah untuk memberi keterangan sekiranya ada berkenaan dengan proses perundangan. Walau bagaimanapun, di dalam perjumpaan tersebut, terdapat juga seorang peguam hadir dan saya tidak menghalang, malah telah bersetuju untuk beliau hadir di dalam perjumpaan itu.
- (e) Pelan bagi pembinaan tugu itu telahpun siap dan kerja-kerja membinanya akan bermula tidak berapa lama lagi. Pihak Jabatan Kerja Raya menjangka tugu itu akan siap pada akhir bulan November ini supaya membolehkan saudaramara dan orangramai membuat lawatan

ke tempat itu untuk memberi penghormatan dari masa ke semasa kepada mereka yang telah terkorban di dalam kemalangan tersebut.

## **BERAS UNTUK KEPERLUAN NEGARA**

**12. Tuan Hussein bin Mahmood** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapa peratuskah daripada jumlah beras yang diperlukan oleh negara pada tahun-tahun 1975, 1976 dan 1977 telah dihasilkan sendiri oleh negara Malaysia; dan
- (b) apakah usaha yang dijalankan oleh Kementerian beliau untuk menentukan bahawa semua beras yang diperlukan oleh negara ini dikeluarkan oleh Malaysia sendiri.

**Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad):**

- (a) Peratus jumlah beras yang diperlukan oleh negara pada tahun 1975, 1976 dan 1977 yang telah dihasilkan sendiri oleh negara Malaysia adalah seperti berikut:

1975—90%

1976—87%

1977—79%

- (b) Usaha-usaha yang telah, sedang dan akan dijalankan oleh Kementerian ini untuk menentukan bahawa semua beras yang diperlukan oleh negara dikeluarkan oleh Malaysia sendiri adalah seperti berikut:

- (i) menambahkan pengeluaran melalui usaha-usaha tanaman dua kali setahun di beberapa kawasan padi utama di negara ini seperti di kawasan-kawasan Muda, Besut, Kemubu, Kelantan Utara, Krian dan Sungai Manik, Tanjung Karang dan sebagainya;
- (ii) menambahkan kawasan-kawasan tanaman di Seberang Perak, Endau/Rompin dan Limbang, Sarawak dan sebagainya;
- (iii) memperbaiki serta menambah hasil pengeluaran melalui penyelidikan bagi mengeluarkan jenis-jenis padi baru yang dapat menghasilkan pengeluaran padi yang lebih tinggi;

(iv) memestikan perkhidmatan perkembangan dan pemberian kemudahan seperti memperbaiki amalan-amalan pertanian supaya dapat menambahkan hasil tanaman;

(v) mengurangkan kerosakan sesudah menuai melalui cara-cara penuaian, pengeringan dan penyimpanan yang lebih memuaskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN PERUSAHAAN PERSEKUTUAN (PERTUKARAN NAMA DAN PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menukar nama Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan dan bagi meminda Akta (Memperbadankan) Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan, 1975; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## **USUL-USUL**

### **JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA—LANTIKAN Pengerusi DAN NAIB Pengerusi**

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Lee San Choon):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Yang Berhormat Tuan Lee Boon Peng dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan Yang Berhormat Tuan Mohamed Bakri bin Abdul Rais dilantik menjadi Naib-Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi tempoh Parlimen Yang Kelima.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Yang Berhormat Tuan Lee Boon Peng dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan

Yang Berhormat Tuan Mohamed Bakri bin Abdul Rais dilantik menjadi Naib-Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi tempoh Parlimen Yang Kelima.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker!

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak apa lagi?

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker mungkin bukan usul ini untuk dibahaskan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak lazimnya dibahaskan.

**Tuan P. Patto:** Boleh saya memberi pandangan sedikit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah selesai, undi sudah diambil.

**Tuan P. Patto:** Tidak dibuka untuk dibahaskan pun?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak lazimnya dibuka untuk dibahaskan. Cuba baca Peraturan Mesyuarat juga; di hujung—ada. Selain daripada tertulis, adalah mengikut lazim.

#### **UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak se-pertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersempahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kelima.” (11hb Oktober, 1978).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ini ditangguhkan pada petang hari semalam, Ahli Yang Berhormat dari Setapak telah mula bercakap selama 6 minit dan sekarang saya menjemput Ahli Yang Berhormat menyambung ucapannya.

3.43 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menitikberatkan Ahli-ahli Yang Berhormat menumpukan penuh perhatian kepada tugas-tugas dan tanggungjawab serta kewajipan sebagai Wakil Rakyat yang telah mendapat mandat daripada rakyat supaya melupakan perbezaan fahaman politik masing-masing untuk bersatu-padu dan memberi sokongan kepada usaha memenuhi semua dasar dan matlamat negara. Baginda juga menyeru supaya jenerasi muda menghargai kebebasan dari tekanan penjajahan dan jangan benarkan diri dipengaruhi oleh fahaman asing yang boleh menjejaskan perpaduan. Baginda juga menitikberatkan pembangunan yang pesat supaya dapat meninggikan taraf hidup rakyat dan merapatkan jurang perbezaan antara miskin dan kaya yang masih wujud di dalam negara kita pada hari ini. Oleh itu melalui hasrat inilah, Tuan Yang di-Pertua, harapan supaya usaha-usaha Kerajaan dapat mengatasi dengan berkesan segala halangan-halangan yang sengaja diwujudkan ataupun yang telah sedia ada di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dari seruan Titah Ucapan Baginda ini jelas mengharapkan Kerajaan bersikap tegas menghadapi cabaran-cabaran bagi menuju pencapaian matlamat negara kita. Sedia maklum bahawa mengikut perangkaan, pertumbuhan penduduk (population growth) adalah sebanyak 2.8% di dalam negara kita. Ini bermakna perkembangan dalam bentuk kemajuan juga mestilah seimbang dengan keadaan yang diharapkan oleh masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan kelmarin negara kita baru sahaja berumur 21 tahun dan sebelum daripada itu telah dijajah beratus-ratus tahun. Memang sikap penjajah mengamalkan sistem “divide and rule” yang mana suku-suku kaum diasing-asingkan di zaman penjajah dan dipetak-petakkan. Dalam perkara ini sukacitalah saya menasihatkan parti-parti Pembangkang khususnya DAP mengkaji ke arah latar belakang perjuangan untuk mencapai kemerdekaan dahulu, mengkaji pengorbanan masyarakat di zaman darurat menghadapi ancaman komunis dan penganas-pengganas, mengkaji kedudukan yang tidak seimbang

dalam bentuk pembangunan ekonomi, pelajaran, kesihatan dan sebagainya yang wujud di kalangan negara kita yang berbilang kaum.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan dan parti-parti politik komponen Barisan Nasional memang telah membuat kajian dalam perkara ini dan mengetahui latar belakangnya. Maka sebab itulah menerima konsep yang sedang dilaksanakan pada hari ini. Tetapi malangnya ada golongan-golongan penyokong-penyokong parti Pembangkang yang mempunyai satu sikap suka memetik buah di hujung, menganggap semangat tolok ansur kaum bumiputra sebagai satu kelemahan yang boleh dieksploitasikan. DAP memainkan peranan seperti kata pepatah: "Lempar batu sorok tangan", tidak habis-habis membangkitkan issue-issue yang sensitif, suka melihat huru-hara barangkali di dalam negara kita dan mengapi-apikan kaum yang telah lebih maju, mengenakan tekanan-tekanan melalui amalan ala demokrasi mereka di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, DAP juga menitikberatkan masalah pelajaran tinggi tetapi dalam pada itu membelakangkan perkara asas seperti kelemahan kaum bumiputra dalam bidang pelajaran rendah yang masih banyak lagi wujud di dalam negara kita ini khususnya di Sabah dan Sarawak. Perkara ini tidak dipersoalkan. Parti Pembangkang seperti ini tidak mahu menerima kenyataan tidak seimbang dari segi kesihatan. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, menurut bancia yang dilakukan, sebagai satu contoh; mengenai jumlah kematian bayi semua kaum daripada perangkaan tahun 1975 jumlah kematian bayi Melayu lebih daripada 60%, kaum China 20%, kaum India lebih kurang 10% dan jumlah kematian ibu-ibu Melayu pula yang melahirkan anak 85% berbanding dengan kematian ibu-ibu kaum China hanya 7% dan India 8%.

Perkara ini juga tidak pernah disebutkan oleh parti pembangkang dan tidak pernah dipersoalkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang pula masalah dadah yang sedang menimpa negara kita yang banyak terlibat lebih daripada 70% adalah terdiri daripada kaum bumiputra dan yang anihnya menjadi pengedar yang besar-besar yang dianggap sebagai pembunuh kepada masyarakat malah terdiri dari kaum bukan bumiputra. Penyakit ini dihadapi oleh Kerajaan. Keadaan seperti ini tidak pernah dipersoalkan dan tidak ada

cadangan-cadangan dan usaha bersama daripada pihak parti-parti pembangkang khasnya DAP bagi menolong mengatasi masalah yang dihadapi oleh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di sini jelas tafsiran taat setia dan kejujuran yang konon-kononnya dilaung-laungkan oleh parti berkenaan menimbulkan tandatanya. Buktinya kita telah lihat, masalah taat setia apa yang telah berlaku di dalam persidangan Dewan Undangan Negeri Perak baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu taat setia dan kejujuran di dalam negara ini cuma dianggap sebagai menanam tebu di bibir mulut sahaja. Sepatutnya, suku-suku kaum yang lebih maju yang mempunyai keupayaan pada saat ini untuk membuktikan kejujuran mereka mestilah sama-sama tampil ke hadapan membantu usaha Kerajaan membasmi masalah penyalahgunaan dadah dalam masalah-masalah yang lain. Bukannya seperti yang berlaku baru-baru ini suku-suku kaum yang telah mempunyai kedudukan dan kekuatan ekonomi menubuhkan pertubuhan-pertubuhan, guilds dan associations. Adakah ini merupakan sebagai satu alternative pressure group menekan dan mendesak Kerajaan untuk sesuatu tujuan yang tertentu.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap suku-suku kaum seperti ini yang mempunyai sikap superiority complex jangan mudah takbur dan hendaklah menoleh ke belakang sedikit mengkaji sejarah dan sanggup pula bertolak ansur menghormat pengorbanan yang dilakukan oleh kaum-kaum bumiputra.

Statistik yang dikeluarkan mengenai kedudukan pelajaran tinggi pada ketika ini telahpun menjadi issue yang dianggap satu jurang perbezaan. Seolah-olah kaum bumiputra selama ini mempunyai kedudukan statistik yang tinggi dalam semua bidang pelajaran tinggi di universiti dan kolej sebelum dan sesudah merdeka. Kenapa tidak dikaji statistik kedudukan bumiputra dalam bidang pelajaran tinggi dalam tahun 50an dan 60an sebagai perbandingan untuk mengujudkan perseimbangan dasar Kerajaan yang telah dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mengamalkan usaha-usaha dalam perkara pelajaran tinggi ini yang sedang dilaksanakan adalah hasil persetujuan dasar yang telah dipersetujui

oleh semua kaum. Sepatutnya perkara ini, tidak boleh dibangkitkan lagi dan menjadi satu issue seperti yang diutarakan oleh parti DAP pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi tahniah kepada ketua-ketua parti khususnya pemimpin-pemimpin MCA yang berani menghadapi kenyataan dalam perkara ini dan juga kepada ketua-ketua parti komponen di dalam Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara yang lain, dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga memandang berat masalah dadah yang melibatkan terutamanya golongan belia dan telah menjadi hasrat Kerajaan untuk menambahkan lagi usaha mencegah penyakit ini di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini, sukacitalah saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini beberapa kenyataan yang telah dibuat oleh berbagai-bagai pemimpin yang bertanggungjawab tetapi malangnya tidak ada dari pemimpin DAP seperti Ketua Polis Negara sendiri dan barang-barang lain jelas sudah buktinya yang dadah menjadi punca kepada jenayah dan pelacuran dan juga merosakkan keluarga. Keadaan angka penagihan semakin sehari semakin bertambah naik dan perkara ini hendak menghapuskan masalah penyalahgunaan dadah perlu mengorbankan banyak wang negara.

Pada diri saya, Tuan Yang di-Pertua, sukacitalah saya mencadangkan kepada Kerajaan, kepada dua cara ataupun dua jurusan (a) masalah penagih-penagih dan (b) pengedar-pengedar.

Bagi membendung penagih-penagih yang telah sedia ada Kerajaan hendaklah menubuhkan satu pusat kawalan seperti sebuah pulau supaya penagih-penagih yang ditangkap ataupun yang diserahkan hendaklah dipusatkan di pulau tersebut dan hendaklah diasingkan dengan masyarakat dan rawatan rapi, kawalan rapi hendaklah diberi kepada mereka, samada menggunakan satu undang-undang yang baharu tidak kira apa-apa, tetapi mesti dilaksanakan.

Cadangan kedua pula ialah bagaimana cara hendak mengelak supaya jenerasi yang belum ditimpa penyakit ini sehingga menjadi penagih.

Tuan Yang di-Pertua, ini berkehendakkan satu cara undang-undang yang wajib bagi mengelak penagihan masa hadapan iaitu dengan cara undang-undang wajib mengenaikan ujian air kencing kepada seluruh rakyat di negara kita terutama seperti murid-murid sekolah menengah, kakitangan Kerajaan, penuntut-penuntut, pekerja-pekerja swasta, tentera dan pasukan keselamatan seperti yang pernah dijalankan dalam sistem X-Ray menentang penyakit batuk kering dalam tahun lima puluhan dahulu.

Sehingga hari ini amat berkesan dan menjadi undang-undang yang wajib bagi mengambil gambar X-Ray dikemukakan samada seseorang itu mengidap penyakit batuk kering atau tidak. Sistem ini telah berjaya dan pihak Kerajaan telah dapat mengesan dan mengubati dan juga mengatasi masalah penyakit batuk kering di kalangan masyarakat Malaysia. Dan mengikut Laporan World Health Organisation Malaysia mempunyai peratusan yang terhad sekali umat-umatnya mengidap penyakit batuk kering.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu sistem ini boleh diterima oleh masyarakat dan keadaan ini dapat mewujudkan semangat sentiasa berwaspada, takut menjadi mangsa kepada batuk kering. Jadi begitu juga harapan saya sistem ini dijalankan serupa bentuknya, serupa undang-undangnya, cuma daripada batuk kering ditukarkan kepada dadah supaya pihak Kerajaan dapat mengesan dan menyelamatkan negara dan masyarakat tentu menerima dan dengan tersendirinya mewujudkan semangat benci dan jijik kepada dadah. Kita sedia maklum, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ada satu undang-undang yang boleh secara tidak langsung menakutkan rakyat tetapi menguntungkan rakyat dan pandangan ini menjamin masa hadapan rakyat pasti undang-undang seperti ini akan mendapat sambutan. Tindakan terhadap pengedar-pengedar pula, selain daripada undang-undang yang telah sedia ada, saya menyeru kepada pihak Kerajaan bertindak sama juga seperti Kerajaan bertindak bagaimana mengesan dan menghapuskan ancaman subversif dan komunis dan sistem seperti ini juga hendaklah diwujudkan dan dilaksanakan bagi mengesan, mengintip dan menangkap pengedar-pengedar dadah sebab pengedar-pengedar ini mereka lebih bahaya daripada komunis. Maka saya mencadangkan Kerajaan hendaklah menggunakan segala jentera samada cara terbuka atau tertutup untuk mengesan pengedar-pengedar tersebut. Kalau

pihak Kerajaan boleh menubuhkan seperti Kumpulan Khas (Special Branch) bagi mengesan ancaman subversif dan komunis, jentera seperti ini hendaklah wujud bagi mengesan pengedar-pengedar tersebut. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap cadangan ini diterima dan dilaksanakan.

Akhirnya, di dalam Dewan yang mulia ini sukacitalah saya menyampaikan ucapan tahniah kepada kejayaan pihak Polis baru-baru ini yang telah dapat mengambil tindakan sindiket judi di dalam Kuala Lumpur iaitu di kawasan Damansara dan hasil daripada kerjasama orang ramai. Saya percaya rakyat jelata pada ketika ini telah mempunyai kesedaran yang memang sedia memberikan kerjasama kepada Kerajaan asalkan maklumat-maklumat mereka ini dijalankan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab dan berkuasa dan memberikan kesan yang menguntungkan masyarakat.

#### 4.04 ptg.

**Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ikut menyatakan sokongan saya terhadap usul yang ada di hadapan kita ini. Dan dalam menyatakan penyertaan saya terhadap usul ini izinkanlah saya menyatakan beberapa perkara yang saya fikir sangat penting pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Akta Bahasa diluluskan oleh Dewan ini dalam tahun 1967, soal penggunaan Bahasa Malaysia dan pelaksanaan Akta tersebut telah beransur-ansur hilang daripada fikiran orang ramai. Bila Bahasa Malaysia dimeterikan dalam Perlembagaan dan dijadikan salah satu daripada lima perkara sensitif, maka orang ramai mulai merasa puas bahawa perkara itu sudah selesai malah orang ramai kelihatan takut membincangkan perkara ini baik di dalam Dewan ini apa lagi di luar oleh kerana bimbang kalau-kalau mereka ikut terseret kerana membincangkan satu-satu perkara yang dianggap sensitif dan melanggar undang-undang. Orang ramai memikirkan bahawa adalah lebih selamat untuk mereka menjauhkan diri daripada issue ini sama seperti mereka ingin menjauhkan diri daripada rumah berhantu. Akibatnya ialah bahawa penggunaan Bahasa Malaysia semakin longgar di kalangan private sector, di kalangan ahli-ahli perniagaan malah juga di kalangan sektor awam sendiri. Di samping itu issue lain telahpun muncul selepas Akta tersebut

diluluskan termasuk Dasar Ekonomi Baru yang menyebabkan soal issue pelaksanaan Bahasa Malaysia terlindung dan dilupakan. Tenaga dan fikiran, tumpuan perhatian bumiputra termasuk orang-orang Melayu sendiri, sekarang pula kepada masalah bagaimana hendak mencapai penyertaan 30% di dalam bidang perusahaan dan perdagangan yang menjadi matlamat Dasar Ekonomi Baru. Para pejuang bahasa yang satu ketika amat gihig sekarang ikut mengalih minat mereka kepada masalah lain sementara yang lain-lain terpaksa membatasi kegiatan mereka oleh kerana tugas-tugas tertentu. Tuan Yang di-Pertua sendiri adalah termasuk di dalam golongan yang kedua ini. Perjuangan bahasa sekarang lengang sepi dan tidak bermaya, bila jeneral sudah tidak ada para private pun mulailah bersenang diri dan musuh-pun mulailah berani mencuri-curi masuk.

Penggunaan Bahasa Malaysia mulai kendur, sign board dinaikkan di kedai-kedai, di tepi-tepi jalan, kain-kain sepanduk direntang tanpa memperhitungkan taraf Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Negara dan bahasa rasmi. Bandar-bandar kita termasuk bandar-bandar yang baru dibina terus menyambung character lama yang tidak mencerminkan hakikat bahawa dalam negara ini adalah satu sahaja bahasa rasmi dan bahasa negara yang berdaulat iaitu Bahasa Malaysia. Semalam perkara ini telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinabalu.

Tuan Yang di-Pertua, Bahasa Malaysia bukan sahaja menjadi perkara yang tidak diiktiraf di papan-papan tanda, kedai-kedai perniagaan yang dibuat oleh kalangan private sector malah juga nampaknya tidak mendapat pengiktirafan yang wajar di kalangan pihak sektor awam sendiri. Pelajar-pelajar yang lulus S.P.M. tidak dapat bertanding untuk mendapat pekerjaan dengan pelajar-pelajar yang lulus M.C.E. walaupun mereka mempunyai kelayakan akademik yang sama, mendapat gred yang sama. Preference selalu diberi kepada orang yang lulus M.C.E. oleh kerana mereka selalunya lebih fasih berbicara dalam bahasa Inggeris. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, ada seorang siswazah daripada Universiti Kebangsaan yang berasal daripada Sekolah Kebangsaan yang lulus S.P.M. di tempat saya sampai dua tahun tidak mendapat pekerjaan. Paling menyedihkan ialah sikap yang sama nampaknya menular ke dalam kepala pegawai-pegawai dan agensi-agensi awam kita sendiri terutama di

kalangan Badan-badan Berkanun. Sebagai seorang yang pernah bekerja dengan sebuah Badan Berkanun saya tahu bahawa interbiu-interbiu kebanyakannya dijalankan dalam bahasa Inggeris, mesyuarat-mesyuarat dijalankan dalam Bahasa Inggeris, perbincangan-perbincangan (discussion) dijalankan dalam bahasa Inggeris, kursus-kursus dan seminar-seminar dijalankan dalam bahasa Inggeris walaupun yang mengambil bahagian, yang menyertai kursus-kursus tadi kebanyakannya ialah orang Melayu. Biarlah kita mengakui hakikat ini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa masih banyak pegawai-pegawai eksekutif kita, pegawai eksekutif awam yang terus merasa at home dengan bahasa Inggeris. Nampaknya kita sudah kembali kepada zaman tahun enam puluhan sewaktu kita gigih memperjuangkan soal mendaulatkan bahasa Malaysia semata-mata kerana "jeneral-jeneral bahasa" seperti Tuan Yang di-Pertua sendiri tidak lagi berada di tempatnya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku dalam Pesta Bola Keranjang baru-baru ini dan desakan-desakan supaya ditubuhkan sebuah universiti yang menggunakan bahasa lain sebagai bahasa pengantar tambah memperdalam rasa betapa kita telah kehilangan tokoh-tokoh seperti Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar dan menyebabkan saya merasa betapa baiknya kalau Tuan Yang di-Pertua sendiri kembali ke Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak usah kaitkan saya ini sangat.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Saya menyebutkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, bukanlah untuk tujuan mengangkat-angkat tetapi inilah satu hakikat.

Tuan Yang di-Pertua, di tengah-tengah keadaaan yang berlaku sekarang ini saya mestilah menyatakan di sini bahawa sikap Tuan Yang di-Pertua yang tidak bertolak ansur dalam penggunaan Bahasa Malaysia dalam Dewan ini dan sikap tegas Yang Berhormat Menteri Pelajaran dalam soal pelaksanaan Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah dan di institut-institusi pengajian tinggi adalah teresah di mata orang-orang yang cintakan bahasa negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa yang berlaku dalam Pesta Bola Keranjang baru ini dan desakan-desakan supaya bahasa China

dijadikan bahasa pengantar di peringkat universiti itu memberi amaran kepada orang-orang yang cintakan bahasa negara ini bahawa tugas mereka sebenarnya masih belum selesai. Memang benar kita telah berjaya memberi status undang-undang kepada Bahasa Malaysia tetapi perlaksanaannya hanyalah terletak kepada suratan-suratan, pada minit-minit fail dan minit-minit mesyuarat dalam Jabatan-jabatan Kerajaan, terletak kepada ucapan-ucapan rasmi oleh Menteri-menteri atau Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, terletak kepada signboard-signboard dan papan-papan tanda yang diletakkan di tepi-tepi jalan yang dibina oleh Kerajaan. Memang benar kita telah memberi status Perlembagaan kepada bahasa Malaysia yang menegah sesiapa juga dari mencabar kedudukannya sebagai bahasa rasmi dan bahasa negara. Soal pokok yang kita hadapi sekarang ialah enforcement dari undang-undang yang telah diluluskan itu dan memberi makna kepada kedaulatan yang telah kita berikan kepada bahasa.

Tuan yang di-Pertua, sejak Akta diluluskan tahun yang lalu kita tidak pernah mendengar ada orang yang didakwa di mahkamah kerana melanggar Akta tersebut. Janganlah beritahu saya di sini bahawa tidak ada orang yang melanggar Akta tersebut. Perlanggaran terhadap Akta tersebut berlaku setiap hari, setiap saat, di mana-mana juga dan ia berlaku secara terang-terangan.

Tuan Yang di-Pertua, setiap hari kita mendengar dengan rasa sukacita operasi Polis untuk memberi makna kepada undang-undang dan peraturan jalanraya. Kita mendengar dan membaca dengan rasa gembira tindakan-tindakan terhadap orang-orang yang berkhalwat, yang berzina dan lain-lain perbuatan yang melanggar undang-undang syarak tetapi kita tidak pernah mendengar ada orang didakwa atau ditangkap kerana melanggar Akta Bahasa sejak 11 tahun yang lalu. Pada satu jurusan kita sedang berusaha habis-habisan untuk melaksanakan cita-cita bahasa ini melalui sistem pendidikan kita tetapi dari satu segi yang lain kita memejamkan mata kepada perbuatan penderhakaan terhadap cita-cita itu. Penderhakaan ini sudah sampai kepada puncak yang tidak patut lagi kita toleratekan. Sesuatu yang positif hendaklah dibuat dari sekarang sebelum hal ini menjadi sesuatu yang tidak lagi dapat dikawal.

Untuk ini, Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya mencadangkan supaya dibentuk sebuah Jawatankuasa Kabinet bagi mengkaji pelaksanaan bahasa Malaysia di semua peringkat dan di semua sektor dan memperlakukan tindakan-tindakan yang patut diambil bagi membetulkan keadaan ini selaras dengan Akta yang telah kita luluskan dan selaras dengan semangat Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang patut saya perhatian Dewan ini ialah perbuatan mengkorap bahasa itu oleh pihak-pihak yang terpaksa menggunakannya. Bukti yang jelas kita lihat di dalam Dewan ini sendiri. Berkat ketegasan Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya tegaskan tadi Ahli-ahli Dewan ini terpaksa menggunakan bahasa itu dan hasilnya ialah bahasa Melayu pasar, bukan sahaja laku nampaknya di pasar tetapi digunakan di dalam Dewan yang mulia ini. Bahasa negara bukan sahaja telah dikorapkan di dalam Dewan ini dari segi tata bahasanya tetapi juga dari segi sebutannya sehingga ia menjadi seolah-olah bahasa burung Kakak Tua.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini bukan sahaja merendahkan mutu bahasa negara, Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi kita tetapi juga mencacatkan kemuliaan Dewan ini sebagai Dewan Perundangan yang tertinggi di negara ini. Sebagai Dewan yang tertinggi di negara ini ia hendaklah menjadi contoh tauladan kepada pihak-pihak di luar daripada Dewan ini. Satu perkara yang sudah jelas ialah bahawa kalau kita di sini tidak boleh membetulkan diri kita sendiri bagaimanakah kita boleh mengharapkan pihak-pihak di luar daripada Dewan ini menggunakan Bahasa Malaysia yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya mencadangkan supaya diperiksa kembali Undang-undang Pilihanraya yang ada sekarang dengan tujuan untuk memberi satu peruntukan dalam undang-undang tersebut yang memastikan bahawa setiap calon yang hendak bertanding di dalam pilihanraya hendaklah lulus ujian bahasa Malaysia yang standard dan untuk ini satu panel yang terdiri daripada pakar-pakar Bahasa Malaysia hendaklah ditubuhkan untuk menguji kebolehan calon-calon yang hendak bertanding itu. Kita mahu mutu perbahasaan di Dewan ini ditingkatkan tetapi kita juga mahu melihat

mutu bahasa yang digunakan itu sesuai dengan tarafnya sebagai bahasa rasmi dan bahasa negara, sesuai dengan taraf kemuliaan Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, soal bahasa sentiasa menjadi satu perkara yang menambahkan polarisasi masyarakat kita kalau kita tidak hati-hati. Sekarang ada gejala-gejala yang kita sedang menuju ke arah ini. Dalam Dewan ini kelmarin Ahli Yang Berhormat dari Damansara telah memberi gambaran seolah-olah polarisasi ini dicipta oleh Barisan Nasional, oleh UMNO, oleh MCA, oleh MIC khususnya. Biarlah saya tidak usah menyentuh perkara ini oleh kerana saya percaya bahawa sejarah negara ini tidak akan ditulis oleh Ahli Yang Berhormat dari Damansara dan rakan-rakannya yang ada di sekelilingnya. Sejarah negara ini akan ditulis oleh orang-orang yang ada credential.

Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah jelas di dalam fikiran kita bahawa penyatuan kaum dan masyarakat di negara ini tidak mungkin berlaku dalam vacuum, ia tidak mungkin berlaku dalam suasana yang wujud pada 12 Mei 1969, ia tidak mungkin wujud ketika kita diminta meluluskan dua usul yang nyata-nyata sekali bertentangan dengan kehendak majority rakyat dalam negara ini. Penyatuan kaum tidak mungkin wujud kalau kaum majority dalam negara ini menguasai tidak sampai 5% daripada kekayaan negara ini. Ia tidak mungkin wujud kalau satu-satu kaum menyuarakan kebimbangan yang hypothetical dan pada suatu ketika yang sama tidak mahu mengakui perjuangan kaum majoriti dalam negara ini yang ingin mengambil tempatnya yang hal sejak jatuhnya Empire Melaka 467 tahun yang lalu. Penyatuan kaum tidak akan wujud selagi ada pihak-pihak yang mengungkit-ungkitkan perkara-perkara yang telahpun kita setuju bersama secara penuh tolak ansur bila kita mencapai kemerdekaan kira-kira 21 tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, secara tegas saya ingin menyatakan di sini bahawa usul DAP yang meminta Dewan ini menyokong penubuhan Universiti Merdeka yang dikemukakan oleh Ahli dari Petaling itu tidak sedikitpun menolong memelihara perpaduan kaum dalam negara ini malah ianya merupakan satu perbuatan bermain dengan api. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Petaling tidak mahu tangannya terbakar, janganlah bermain api. Oleh yang demikian, saya dengan penuh

rasa jujur meminta usul ini ditarik balik demi mengelakkan tercetusnya suatu percikan emosi di kalangan rakyat negara kita baik di kalangan rakyat bumiputra mahupun di kalangan rakyat bukan bumiputra. Kalau pihak DAP benar-benar jujur untuk menolong Barisan Nasional menghapuskan polarisasi masyarakat, kalau DAP betul-betul jujur untuk menolong Kerajaan menyatupadukan rakyat dalam negara ini seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat dari Bangsar kelmarin, saya percaya Yang Berhormat dari Petaling akan memikirkan permintaan saya . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Bangsar tidak ada.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Maksud saya Ahli Yang Berhormat dari Damansara. Kalau DAP seperti yang saya katakan tadi jujur, saya percaya Ahli Yang Berhormat dari Petaling akan memikirkan usul saya ini walaupun ia datang hanya daripada seorang junior member dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

4.23 ptg.

**Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani):** Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama turut menyokong dan menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Baginda telah menyeru kepada semua Wakil-wakil Rakyat dan rakyat supaya bersatupadu dan memberi sokongan penuh kepada dasar dan matlamat untuk kebaikan negara dan rakyat. Tetapi sayang seribu kali sayang kepada keadaan yang berlaku di setengah-setengah tempat, khususnya di kampung-kampung di negeri Kedah, pulau-memula telah berlaku sehingga mati dan kenduri seseorang Islam tidak diziarahi dan tidak diambil berat oleh puak-puak yang mengaku dirinya Islam seolah-olah sebagai Islam menyuruh mereka berbuat begitu. Saya harap pihak Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam memainkan peranan yang penting supaya perkara ini dapat difahami oleh rakyat di kampung-kampung.

Tuan Yang di-Pertua, petang semalam Ahli Yang Berhormat dari Damansara telah bercakap dengan panjang lebar menyentuh hak-hak asasi manusia dan Perlembagaan Negara. Tidakkah beliau tahu dan faham

yang Perlembagaan Negara Malaysia telah digubal dengan begitu rupa, dengan begitu halus supaya semua kaum yang tinggal dan yang mengaku diri mereka warganegara yang taat setia dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dan menikmati rezeki di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, tentang hak asasi manusia tidak cukupkah Ahli dari Damansara itu dapat bercakap dengan begitu bebas dan kadang-kadang menyentuh perasaan, menghiris hati dan sanubari orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara Ahli Yang Berhormat dari Damansara telah mengatakan iaitu umur 21 tahun bagi seseorang yang layak mengundi diturunkan kepada 18 tahun. Pada fikiran saya umur 18 tahun ini terlalu muda dan masih belum cukup bagi seseorang. Oleh itu, di dalam undang-undang Constitution Negara kita ditetap 21 tahun bagi seseorang yang layak mengundi dan merasa dirinya bebas.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah merdeka 21 tahun. Belia-belua yang berumur 21 tahun yang sama dengan kemerdekaan Malaysia ini setengahnya telah menjadi Belia Pelupur, Belia Pembina dan belia-belua iaitu pemuda-pemudi harapan bangsa dan ada juga sebaliknya. Maka dengan ini saya sungguh-sungguh berharap supaya Kementerian Pelajaran, Kementerian Penerangan dan juga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dapat memainkan peranan yang lebih penting dan juga pihak Kerajaan supaya jika sebolehnya mengurangkan pengangguran dan supaya belia-belua dan rakyat dari semua kaum dapat memahami tujuan dan hasrat Kerajaan. Ini di masa kita sedang berusaha memupuk semangat perpaduan, mendidik warganegara dan jenerasi-jenerasi yang akan datang sebagai orang-orang yang berjiwa patriotik, kasih sayang kepada negara yang di mana mereka lahir, besar, dan menjadi seorang manusia dan hidup senang-lenang, kita bimbang ada puak-puak yang tidak bertanggungjawab dan fahaman-fahaman politik yang tidak sihat akan memecahbelahkan usaha murni kita. Dengan ini saya harap banyak lagi rancangan-rancangan untuk belia-belua, kursus-kursus dan kemudahan-kemudahan pekerjaan serta alat-alat seperti padang bola, tempat berkumpul iaitu dewan-dewan patut diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya suka tegaskan di sini iaitu kepada Kementerian Perumahan dan Perkampungan. Yang Berhormat Menteri telah berjanji akan memberi peruntukan sebuah dewan bagi orang ramai di Rancangan Rumah Murah di Sungai Petani, tetapi dukacita pihak Majlis Daerah Kerajaan Tempatan dan pihak Pejabat Tanah tidak membenarkan. Dikatakan di situ tempat yang lapang, tidak pernah diletakkan bangunan. Pada pendapat saya kalau tidak diletak di satu tempat yang lapang di mana pula hendak diletakkan. Saya sangat berharap perkara ini diberi juga memandang di situ ada tiga rancangan perumahan, rancangan rumah murah dua, aliran pertama dan aliran kedua. Aliran pertama mempunyai 117 yunit, aliran kedua 213 yunit dan ada pula satu perumahan daripada swasta iaitu di Taman Aman beratus-ratus lagi buah rumah. Kalaulah kita kata seorang belia di dalam sebuah rumah. Berapa ratus belia sudah ada di situ dan mereka ini kadang-kadang main gitar, ada juga kadang-kadang main muzik di titi-titi rumah sampai larut malam mengganggu orang-orang di situ. Kalaulah ada sebuah dewan maka bolehlah mereka ini bermain di dalam bangunan tidaklah mengganggu kepada tembok-tembok rumah-rumah tadi. Kadang-kadang mereka itu diusir oleh Polis. Perkaranya ini saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan timbang semula.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kepada kajian semula separuh penggal Rancangan Malaysia Ketiga, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Pertanian supaya tanah-tanah sawah yang masih tertinggal beribu-ribu ekar dan juga oleh kerana kekurangan taliair, dapat diberi perhatian seperti di Telok Wang, Sungai Pasir—di kawasan saya, Serkam dan Pinang Tunggal. Ini semua patut diambil perhatian dan juga mengadakan ban-ban untuk mencegah air masin seperti di Bukit Kecil Mukim Simpoh dan juga tempat-tempat lain yang memerlukan taliair, ban dan titi. Dan juga kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian sebagaimana kita tahu banyak petani-petani dan orang-orang luar bandar sangat berharap tambahan binatang ternakan kerbau lembu, ayam itik dan saya juga berasa perkara ini patut diberi keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara pelaburan tujuan utama diadakan tapak-tapak perindustrian untuk menggalakkan pelaburan dan mewujudkan pekerjaan. Sekiranya tujuan-tujuan ini dicapai dengan secara

otomatik, beruntung daripada wang yang telah dilaburkan atas penyediaan tapak itu. Memandangkan dari sudut ini, pelaburan atas tapak perusahaan tidaklah berlainan daripada pelaburan atas pertanian, umpamanya sistem taliair. Dan dengan ini mestilah diberi keutamaan yang sama. Dasar harga mestilah diformulate untuk mencapai kadar take-up yang tertinggi walaupun ini bermakna harga pembangunan tidak dapat diambil balik.

Saya dengan ini mengesyorkan satu moratorium atas pinjaman untuk menyediakan tapak perusahaan ditimbang oleh pihak Perbendaharaan. Saya percaya "blanket policy" tidaklah diperlukan, tetapi pihak Perbendaharaan mestilah bersedia untuk membuat write-off dengan secara selective.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pembangunan di Sungai Petani adalah secara *ad hoc* dan tidak berkesan malah menimbulkan beberapa masalah seperti banjir, penggunaan tanah yang tidak ekonomik, perumahan dan tapak-tapak perniagaan kecil. Saya cadangkan diadakan satu kajian pembangunan bandar Sungai Petani supaya Sungai Petani dapat membangun dengan lebih teratur dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan menyusun semula masyarakat dan mengadakan kemudahan-kemudahan sosial dan infrastruktur di samping mengujudkan peluang-peluang pekerjaan khususnya kepada belia yang menganggur ialah di antara beberapa objektif Rancangan Malaysia Ketiga. Walaupun Kerajaan Pusat telah memberi perhatian kepada negeri yang kurang maju termasuklah negeri Kedah dengan meningkatkan peruntukan daripada \$98,550,134.00 di bawah Rancangan Malaysia Kedua kepada \$854.123 juta di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Ini mencerminkan bahawa pembangunan Negeri Kedah sebelum Rancangan Malaysia Ketiga kurang mendapat perhatian daripada Kerajaan Pusat. Akibat daripada demonstrasi di Baling iaitu pada Disember 1974, maka pihak Kerajaan Pusat telah menyedari di atas pentingnya negeri yang kurang maju seperti Kedah khususnya di kawasan-kawasan sempadan diberi keutamaan. Mungkin akibat daripada inilah maka peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga bagi Negeri Kedah telah meningkat kepada 9 kali ganda.

Daripada \$854 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, sejumlah \$215,162,658.29 telahpun diperuntukkan bagi tahun 1977, dan

kajian yang telah dibuat di mana sejumlah hanya \$115,527,072.73 sahaja yang dapat dibelanjakan daripada peruntukan 1977 dengan pencapaian sebanyak 61%. Ini adalah satu gambaran yang kurang memuaskan.

Pada Mesyuarat Ketua-ketua Menteri baru-baru ini di Pulau Pinang, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun membangkitkan perkara berhubung dengan prestasi kemajuan projek bagi Negeri Kedah tahun 1978. Dari apa yang dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat iaitu sejumlah \$170.9 juta peruntukan bagi tahun 1978 hanya 4.6% sahaja yang telah dibelanjakan sehingga akhir Mac 1978. Ini adalah satu kenyataan dan ini juga merupakan satu kesedaran, tetapi kenyataan dan kesedaran ini tidaklah cukup sekiranya tidak ada langkah-langkah yang diambil samada dari pihak Kerajaan Pusat ataupun agensi-agensi pelaksana dan Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah-masalah ini. Di atas kesedaran inilah maka saya, wakil Parlimen dari Negeri Kedah ingin membahaskan dan ingin mendapat perhatian di dalam Dewan yang mulia ini supaya pihak Kerajaan dan pentadbiran hendaklah memandang berat di atas perkara ini kerana kita hanya mempunyai kira-kira 2 tahun sahaja lagi bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Apa yang kita lakukan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini akan menentukan kedudukan Kerajaan dan kita Wakil-wakil Rakyat bagi pilihanraya yang akan datang. Kesan dan nikmat daripada Rancangan Malaysia Ketiga inilah akan dirasai 5 tahun dari sekarang, dan bukannya dari rancangan-rancangan di bawah Rancangan Malaysia Keempat kerana tempoh pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Keempat mungkin tidak dapat dirasai pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan semoga negeri-negeri yang kurang maju seperti Kedah, Perlis, Trengganu dan Kelantan hendaklah diberi keutamaan sama rata memandangkan keadaan yang mundur, sensitif dan terdedah kepada keselamatan serta negeri-negeri yang mana mata pencarian penduduk-penduduk kebanyakannya berasaskan kepada pertanian dan perikanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka bercakap berkenaan dengan masalah kekurangan pegawai dan kakitangan. Walaupun Negeri Kedah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga telah diperuntukkan 9 kali ganda lebih daripada Rancangan Malaysia Kedua tetapi

malangnya tenaga-tenaga pegawai dan kakitangan hanya berkurang 5% hingga 10% sahaja. Perkara ini tentulah tidak "balance" dengan pertambahan 900% dengan pertambahan peruntukan. Oleh kerana Negeri Kedah adalah sebuah negeri yang miskin yang berasaskan kepada pertanian, maka Negeri Kedah mempunyai hasil-hasil negeri yang terbatas, maka dengan sebab itu Kerajaan Negeri Kedah tidak dapat menambah kakitangan-kakitangan yang banyak memandangkan Kerajaan Negeri Kedah sekarang terpaksa bergantung bantuan kewangan dari Kerajaan Pusat. Walau bagaimanapun kita tidak haruslah rasai bahawa Negeri Kedah telah mengorbankan ataupun menyumbangkan sesuatu yang besar kepada Kerajaan Pusat iaitu dengan menyediakan 40% daripada keperluan beras untuk seluruh negara, tetapi malangnya harga beras adalah harga yang terkawal, maka Negeri Kedah tidaklah dapat mencari keuntungan dari segi perusahaan beras. Inilah hakikat yang ada bagi ekonomi Negeri Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pemborong. Seperti yang diketahui bahawa kira-kira 80% projek-projek pembangunan adalah merupakan pembangunan fizikal. Sememangnya "procedure" tawaran-tawaran tender itu harus diikuti tetapi saya telah difahamkan bahawa 74 rancangan semestinya diambil bagi memproses sesuatu tender. Dengan proses-proses inilah maka kebanyakan projek-projek terpaksa memakan masa yang begitu lama sehingga kadangkala boleh menimbulkan implikasi-implikasi yang buruk terhadap sikap perkhidmatan pegawai-pegawai Kerajaan dan ini boleh disalah taksirkan oleh setengah-setengah pihak oleh kerana setiap projek yang melalui proses tender dikehendaki melalui saluran-saluran tertentu, maka didapati bahawa Jabatan Kerja Raya merupakan satu agensi yang mempunyai peratus-peratus projek pembangunan fizikal untuk dilaksanakan bagi memenuhi keperluan ataupun lain-lain jabatan yang mempunyai projek. Saya fikir sampailah masanya di mana Kerajaan harus mencari jalan supaya "procedure" dan "red-tape" khususnya berhubung dengan proses tender dapat diatasi atau dipendekkan dengan hanya mementingkan perkara-perkara yang mustahak sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya penyusunan semula Jabatan Kerja Raya khususnya di peringkat negeri dan daerah dapat disusun semula

supaya beban kerja selaras dengan keperluan pegawai dan kakitangan supaya sistem pentadbiran di Pejabat-pejabat Daerah dapat berjalan dengan lebih baik dan dapat memberi perkhidmatan yang diharapkan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang perkara kelewatan berhubung dengan tender ini ujud kerana di antara Jabatan-jabatan Kerja Raya di peringkat negeri dan persekutuan khususnya berhubung dengan kelulusan pelan-pelan yang lewat serta "procedure" yang mana harus diikuti oleh pegawai-pegawai di Jabatan Kerja Raya. Saya tidaklah bermaksud untuk mengatakan bahawa peraturan dan pentadbiran Jabatan Kerja Raya yang ada pada hari ini tidak "up-to-date" tetapi apa yang saya maksudkan ialah kerana keadaan pada hari ini ataupun "reality" yang ada pada hari ini di mana pembangunan begitu pesat dijalankan khususnya pembangunan fizikal maka sampailah masanya pihak Kerajaan melihat perkara ini dengan secara menyeluruh dan pandangan yang jauh. Selain daripada itu ada juga masalah-masalah yang terbengkalai ataupun lewat pelaksanaannya yang dilakukan oleh kontraktor-kontraktor di mana ada kontraktor-kontraktor yang tidak dapat menyambung kerja-kerja dan ada juga kontraktor-kontraktor yang "sub-contract" kepada orang lain di atas projek-projek yang berjaya. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah merupakan satu penyelewengan bukan sahaja ia membunuh hasrat Kerajaan untuk melahirkan dasar penyertaan 30% bumiputra dalam bidang perusahaan, perniagaan dan perdagangan iaitu termasuklah kerja-kerja kontrak tetapi boleh menjejaskan rancangan dan cita-cita Kerajaan bagi membangunkan negara secara keseluruhannya. Perkara kontraktor yang "sub-contract" kepada orang-orang lain berlaku kepada semua peringkat daripada tender-tender yang rendah sampailah kepada tender-tender yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah ini saya mengesyorkan supaya pihak Kerajaan dapatlah mengkaji semula sistem dan amalan proses tender yang dijalankan oleh Kerajaan pada masa ini di samping mengkaji semula Ahli-ahli Lembaga Tender di peringkat negeri khususnya. Mungkin keadaan pada masa ini telahpun banyak berubah kerana kemajuan-kemajuan yang besar dan perkara-perkara yang lebih "complicated" maka Arahan Perbendaharaan

tahun 1969 berhubung dengan Ahli Lembaga Tender patutlah mengkaji semula supaya ianya dapat berjalan dengan lebih licin dan bersih serta cekap. Kesalahan memilih petender-petender juga bolehlah merupakan tanggungjawab bukan sahaja pihak J.K.R. tetapi juga Ahli-ahli Lembaga Tender samada peringkat negeri ataupun di peringkat mana jua.

Sekiranya langkah-langkah ini juga tidak dapat diambil masalah kontraktor yang menyeleweng ini maka pihak Kerajaan haruslah berani membuat senarai-senarai hak kepada kontraktor-kontraktor yang tidak bertanggungjawab samada ianya bumiputra atau bukan bumiputra, samada dari dalam negeri atau dari luar negeri. Langkah-langkah tegas dari Kerajaan bukanlah bererti membunuh konsep penyertaan bumiputra dan penggalakan peringkat kemajuan serta peluang-peluang perniagaan bagi rakyat seluruhnya tetapi adalah merupakan sebagai keubersihan kepada dasar Kerajaan bagi mempasti segala projek dapat dijalankan tanpa penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah di antara beberapa perkara pokok yang sudah menjadi darah daging di atas kengendalaan ataupun kelewatan pelaksanaan projek-projek pembangunan khususnya bagi Negeri Kedah yang banyak lagi perkara-perkara yang juga boleh menyebabkan kengendalaan ataupun kelewatan pelaksanaan projek-projek, tetapi sekiranya peruntukan yang begitu banyak yang telahpun diuntukkan oleh Kerajaan tidak dapat dibelanjakan dan dilaksanakan oleh kerana kekurangan pegawai-pegawai dan kakitangan maka seolah-olah rancangan-rancangan Kerajaan itu sebagai mimpi ataupun angan-angan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan bahawa setiap kali Kerajaan kita menyusun semula Kabinet khususnya selepas pilihanraya umum, maka beberapa jabatan baru telah diwujudkan dan Kerajaan sedia juga menambahkan bilangan Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen, tetapi mengapa Kerajaan tidak bertindak bagi menambah atau sekurang-kurangnya memenuhi jawatan-jawatan yang masih kosong seperti yang dinyatakan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri tempoh hari. Saya percaya perkara ini pihak Kerajaan sedar tetapi kesedaran sahaja belum mencukupi sekiranya tidak ada tindakan dan "follow-up"

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan perkara ini kerana Negeri Kedah yang mana kebanyakan jawatan-jawatan adalah di bawah Perkhidmatan Negeri dan hanya sedikit sahaja pegawai-pegawai daripada Kerajaan Pusat yang bertempat di Kedah. Maka saya ingin mengesyorkan supaya Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Kedah mengubah sikap supaya pegawai-pegawai yang berpengalaman, mahir dan cekap boleh di tempatkan di mana-mana juga bagi sesuatu jawatan bukanlah di atas kepentingan "State interest" atau "Federal interest" tetapi adalah bersifat kepada kebolehan, kesanggupan dan dedikasi pegawai-pegawai yang berkenaan supaya projek-projek yang direncanakan dapat dilaksanakan mengikut seperti apa yang dijadualkan.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan sesebuah negara juga kejayaan sebuah negeri, nikmat kekayaan negara juga menjadi hak bagi sesebuah negeri khususnya di negara yang berkenaan seperti Malaysia.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong usul menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ini ditempohkan selama 20 minit.

*Persidangan ditempohkan pada pukul 4.50 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.11 petang.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

*5.12 ptg.*

**Dr Hee Tien Lai (Ayer Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama dengan rakan-rakan saya untuk menyokong dan merakamkan perasaan menjunjung kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah banyak mendengar Ahli-ahli Yang Berhormat menunjukkan kebimbangan mereka atas pelajaran-pelajaran yang ada di dalam negara kita sekarang dari segi pelajaran tinggi. Saya ingin mengambil peluang di sini juga berucap sedikit di atas dasar pelajaran tetapi bukan dari segi pelajaran tinggi tetapi dari segi pelajaran-pelajaran di peringkat rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sangat dukacita kerana guru-guru sekolah yang ada sekarang adalah kekurangan semangat untuk mengajar dan menunjukkan kurang dedikasi kalau dibandingkan dengan tempoh masa penjajahan British. Perkara ini juga Yang Berhormat Menteri Pelajaran mengakui di dalam satu kenyataannya dalam suratkhbar tidak berapa lama dulu.

Kita tidak boleh nafikan bahawa semangat dan dedikasi adalah sangat kurang daripada guru-guru sekolah yang ada sekarang. Saya fikir mereka patutlah menilaikan keadaan baik ataupun keadaan perkhidmatan yang baik diberikan oleh pihak Kerajaan dan saya fikir patutlah mereka memelihara imej-imej baik dan penghormatan yang diberikan oleh masyarakat kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang kita selalu mendengar pengaduan daripada guru-guru atas extra-classes, atas off-hour duties selepas masa rasmi dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi pengalaman saya sendiri atas apa yang saya telah sebutkan tadi, kalau hendak bukti, boleh saya tunjukkan bahawa perlakuan ini adalah benar. Saya nampak juga sekarang telah ada satu trend yang baharu ke arah saluran yang boleh saya bahagikan dalam empat saluran.

Yang pertama, nampaknya adalah sekumpulan besar daripada guru-guru yang melibatkan mereka dalam kegiatan-kegiatan politik lebih berminat daripada tugas-tugas mereka sebagai guru-guru.

Yang kedua, ada dari sekumpulan yang besar juga yang lebih berminat atas bermain mahjong dalam masa lapang mereka. Saya tahu kebanyakan guru yang terlibat di dalam permainan mahjong ini bermain dari malam hingga ke pagi. Jadi macam manakah guru-guru yang berkenaan ini ada mempunyai tenaga untuk mengajar.

Tuan Yang di-Pertua, ada lagi kumpulan yang ketiga, yang mana cikgu-cikgu ini bermain dengan pasaran saham sahaja. Di dalam bangunan sekolah saya tahu ada cikgu-cikgu asyik berunding soal pasaran saham, walaupun saya fikir mereka lebih patut berunding atas perkara sekolah.

Ada juga kumpulan yang boleh dikatakan walaupun tidak berapa besar, iaitu kebanyakannya ada cikgu-cikgu yang terlibat dalam salah guna dadah.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menambah sedikit atas apa yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak; walaupun cadangan-cadangan yang telah disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak itu adalah baik dan berkesan maka kita patutlah menyokong apa-apa cadangan yang telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak. Tetapi nampaknya saya dukacita menyatakan di sini bahawa dari pengalaman saya sendiri bahawa saya tahu ada juga anggota polis yang menjaga lock-up di balai polis menjual heroin kepada penagih-penagih dadah yang telah ditangkap oleh polis. Walaupun perkara ini saya telah beritahu kepada Ketua Polis yang berkenaan dan saya ucapkan terima kasih kepada beliau yang telah mengambil tindakan yang keras dan tegas untuk mengatasi masalah ini. Tetapi saya ingin memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa walaupun langkah-langkah yang kita telah ambil dan sedang mengambil dan saya akan mengambil untuk mengatasi ataupun menghapuskan masalah dadah di dalam negara kita, kalau pegawai-pegawai yang bertanggungjawab yang pada mereka kita harapkan boleh mengatasi masalah ini, kalau mereka mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan untuk menggalakkan penagih-penagih, saya fikir, semua rancangan, semua tindakan dan semua langkah yang diambil oleh Kerajaan pun tidak berguna. Oleh itu di balai polis adalah salah satu key-areas yang mana kita harap action boleh diambil untuk menghapuskan masalah salah guna dadah.

Ada satu perkara yang saya fikir sedih berkenaan dengan guru-guru yang telah dipindahkan kepada kawasan-kawasan luar bandar. Saya telah diberitahu bahawa ada berlaku guru-guru yang rajin dan dedikasi telah ditukarkan ke sekolah-sekolah kampung. Nampaknya mereka ini telah hilang semangat yang ada semasa dahulu apabila mereka telah dihantarkan ke sekolah-sekolah di kampung-kampung. Ini adalah banyak sebabnya dan perkara ini telahpun dilaporkan kepada saya bahawa seorang guru yang baru ditukarkan ke sekolah ini ia nampaknya susah mahu memasuki kawasan itu oleh kerana orang yang ingin kerja kuat nampaknya jadi unpopuler.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tidak ada bukti, tetapi saya tahu yang mana ada setengah-setengah guru-guru yang telah saya jelaskan tadi yang mendapat ancaman. Saya tegaskan sekali lagi saya tidak ada bukti,

tetapi saya telah diberitahu melalui telefon di mana guru yang berkenaan ini telah dapat ancaman: Kalau awak menunjukkan dedikasi banyak sangat, kita mahu memberi awak susah. Saya tidak mempunyai bukti, telah saya minta pihak Kementerian yang berkenaan untuk mengkaji perkara ini. Walaupun perkara ini saya telah memberitahu kepada Majlis Tindakan Daerah, tetapi saya telah mendapat sepucuk surat daripada Pejabat Pelajaran yang berkenaan menyuruh saya supaya memberi bukti atau menunjukkan dari mana datangnya keraguan ini. Saya minta maaf kepada Kementerian yang berkenaan, saya tidak ada bukti, tetapi saya telah berunding dengan orang-orang biasa, orang-orang kenamaan di daerah Batu Pahat dan mereka juga telah bersetuju bahawa perkara ini ada berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah menyentuh mengenai perkara guru dan oleh sebab saya adalah seorang doktor yang sedang practise saya ingin mengambil peluang di sini menyentuh satu perkara yang saya fikir serius sangat iaitu kekurangan doktor-doktor dalam negara kita. Menurut satu kenyataan yang lalu pihak Kementerian Kesihatan ada 600 jawatan doktor yang belum diisikan. Pihak Persatuan Perubatan Malaysia (M.M.A.) telah memberikan beberapa cadangan kepada pihak Kerajaan supaya mengatasi masalah kekurangan doktor yang ada dalam Malaysia ini. Walaupun langkah yang telah diambil oleh Kerajaan kita seperti mengambil contract doctors daripada negeri asing sebagai satu langkah untuk mengatasi masalah ini, tetapi nampaknya kita tidak boleh nafikan bahawa taraf doktor-doktor ini kalau dibandingkan dengan taraf doktor-doktor yang kita tahu semasa sekarang adalah rendah. Ini kerana banyak sebab-sebab. Saya bukan menyarankan sebagai seorang Ahli M.M.A. tetapi saya fikir perkara ini patutlah dikaji juga. Pihak M.M.A. juga telah merayu kepada pihak Kerajaan supaya membaikkan perkhidmatan doktor-doktor dalam negara kita dari segi gaji, peluang kenaikan (promotion), kemudahan-kemudahan perumahan dan lain-lain kepada doktor-doktor juga. Lagi satu langkah yang pihak Kerajaan akan ambil ialah re-employ doktor-doktor yang sudah bersara (retired). Kita tahu pada masa sekarang walaupun ada doktor-doktor yang sudah bersara tetapi kita tahu bilangan mereka adalah kecil oleh kebanyakan daripada mereka adalah dalam private practice. Di sini saya

ingin memberitahu pihak Kementerian yang berkenaan supaya pada masa pemilihan doktor-doktor bersara untuk memberi perkhidmatan dalam hospital Kerajaan jangan lupa menentukan samada mereka adalah "fit" atau tidak.

Saya ingin memberi satu contoh daripada masa saya menjadi seorang Pegawai Perubatan di Johor Bahru 10 tahun dahulu di mana ada seorang doktor re-employed yang hemiplegic maknanya mempunyai penyakit lumpuh sebelah badan. Beliau adalah seorang yang sudah tua, setiap hari dia memerlukan orang mengangkat dia atas stretcher ke hospital dan ia hanya boleh duduk sahaja atas kerusinya, dia sendiri tidak boleh naik. Apabila dia mahu memeriksa pesakit dia minta attendant pergi memeriksa samada pesakit itu ada bengkak spleen, ada bengkak perut atau tidak. Saya adalah seorang doktor yang duduk di sebelahnya, saya rasa hairan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Doktor ini masih berkhidmat lagi?

**Dr Hee Tien Lai:** Saya dengar doktor ini sudah mati (*Ketawa*). Tetapi apa yang saya mahu menegaskan di sini ialah oleh kerana enthusiasm kita untuk memenuhi jawatan kosong doktor-doktor janganlah kita mengambil balik doktor-doktor yang umurnya sangat tua, doktor yang hanya sesuai untuk berkhidmat dalam out-patient kelinik sahaja. Kerja dalam wad-wad memanglah doktor yang tua tidak mahu menerima, oleh kerana doktor biasa hendak bekerja pada masa malam dan kebanyakan doktor-doktor yang sudah bersara tidak mahu menerima syarat-syarat yang ada keras sedikit.

Saya fikir sudah sampai masanya sekarang untuk Kerajaan kita menimbangkan membina sebuah lagi medical school atau institusi perubatan yang ketiga oleh kerana kita tahu pada masa sekarang doktor-doktor negara kita hanya datang daripada Universiti Malaya dan pada tahun depan Universiti Kebangsaan akan mengeluarkan tidak lebih daripada 100 orang doktor baru. Jumlah-jumlah ini kita tahu tidak mencukupi untuk rakyat yang banyak dalam negeri kita sekarang dan juga tujuan pihak Kementerian Kesihatan ialah pada tahun lapan puluhan target kita adalah satu doktor untuk 2,000 orang, bermakna dalam tempoh beberapa tahun daripada sekarang kita terpaksa menambah bilangan doktor-doktor dua kali

ganda. Oleh kerana itu saya fikir sudahlah sampai masanya untuk kita menimbang membina medical school yang ketiga untuk negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang akhir ialah satu perkara yang menarik, dan penting—iaitu berkenaan masalah sakit perempuan (V.D.). Kita boleh membaca dalam suratkhbar tempatan khasnya dalam bulan ini yang mana perkara ini telah menjadi satu perkara yang serious. Pada tahun yang lepas saya telah menghantar satu soalan atas perkara ini di mana saya telah bertanya pada masa itu pihak Institute of Medical Research (IMR) telah mendapat satu kes penicillin-resistant gonorrhoea. Tidak perlu saya beri butir sedalam-dalamnya tetapi ini adalah satu kuman—venereal disease yang tidak takut penicillin atau penicillin-resistant. Penicillin adalah ubat yang digunakan oleh doktor biasa untuk rawatan venereal disease oleh kerana kebanyakan sebabnya kuman ini sudah jadi kuat, tidak dibunuh oleh penicillin dan jadi penicillin-resistant. Saya dapat tahu dalam suratkhbar bahawa sehingga sekarang pihak I.M.R. telah mendapati 11 kes yang penicillin-resistant gonorrhoea. Ini bermakna penyakit ini telah menjadi satu masalah yang penting untuk masyarakat kita.

Walaupun pihak Kerajaan akan mengambil tindakan melalui undang-undang, private doctor terpaksa melaporkan kes-kes mereka yang berikan rawatan di kelinik mereka kepada pihak Kerajaan. Kalau mereka tidak dapat membuat laporan kepada pihak Kerajaan mereka akan didenda dengan wang \$2,000 dan penjara 6 bulan. Walaupun langkah ini adalah menunjukkan keikhlasan Kerajaan kita untuk mengatasi venereal diseases dalam negara kita, saya fikir langkah ini adalah keras sangat. Pesakit-pesakit yang berjumpa private doctor oleh kerana, ini sebab yang mustahak sangat, mereka merasa malu atau segan. Venereal diseases adalah menjadi satu social stigma. Oleh kerana mereka merasa malu mereka berjumpa private doctor untuk mengambil rawatan. Kalau mereka tahu private doctor adalah dikehendaki melaporkan kes penyakit-penyakit mereka kepada Kerajaan mungkin mereka tidak berani berjumpa private doktor walaupun dalam peraturan-peraturan ini ada disebutkan nama pesakit tidak perlu dihantarkan kepada pihak Kerajaan tetapi kesnya, alamatnya, kerja mereka adalah perlu dihantarkan. Ini saya fikir cukup untuk menakutkan mereka untuk

mencari rawatan daripada private doktor. Saya fikir ini akan defeat the purpose yang Kerajaan ingin ambil untuk mengatasi masalah ini iaitu mencegah penyakit ini supaya penyakit ini tidak melarat kepada orang ramai yang lain.

Saya fikir adalah satu kelemahan dalam peraturan ini juga iaitu adalah senang untuk seorang doktor untuk menyelewengkan atas peraturan-peraturan ini. Kita sebagai doktor hanya perlu memasukkan nama patient ini dalam kad tetapi jenis penyakit itu kita tidak payah laporkan dalam rekod kita walaupun dalam rawatan itu kita ada berikan penicillin dan sebagainya. Kita boleh rekod satu kes tonsillitis satu kes bronchitis tetapi apa yang saya fikir saya ingin menegaskan di sini ialah threat (ancaman) tetapi kita patutlah minta kerjasama daripada semua pihak doktor-doktor dari peringkat Kerajaan, peringkat swasta dan doktor pakar supaya kita bekerjasama bersama-sama menghapuskannya, yang sebenarnya penyakit ini tidak boleh dihapuskan, kita boleh mencegah sahaja penyakit ini. Saya fikir perlulah Kerajaan mengkaji punca-punca penyakit ini.

Kerajaan pada masa sekarang memanglah menggalakkan pelancungan. Pelancungan adalah salah satu sebab yang penting yang membawa penyakit-penyakit yang kita telah sebutkan tadi. Mana tempat yang ada tourist memanglah membawa penyakit-penyakit V.D. Pada tahun lepas saya ada ingat lagi saya membaca satu paragraph dalam satu surat-khabar yang mana pihak MARA dalam "holiday season" sudah menambah perkhidmatan bas ke Haadyai di Thailand, selain daripada keuntungan wang sebab lain saya tidak tahu. Memanglah pada masa holiday season banyak orang mahu pergi ke Haadyai—kita tahu tetapi saya fikir pihak bas MARA tidak patutlah menggalakkan lebih ramai orang pergi ke Haadyai dengan tambahan bus service. Oleh kerana Haadyai adalah satu punca V.D. yang notorious.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah ini memanglah bukan senang. Salah satu langkah saya fikir saya berkesan, yang penting ialah dari segi root cause. Saya mencadangkan bahawa Kementerian Pelajaran akan menambah dalam curriculum anak-anak kita satu pelajaran seks (sexual education) untuk anak-anak kita supaya mereka benar-benar memahami venereal disease (V.D.) dari segi masyarakat, dari segi perubatan khususnya kepada murid-murid yang akan meninggalkan sekolah-sekolah. Oleh kerana kita

ada laporan bahawa school leavers adalah juga murid-murid yang melibatkan diri mereka dalam maksiat (venereal diseases), saya suka memberikan satu contoh yang mana seorang guru sekolah menengah dia sendiripun tidak memahami atau tidak tahu yang sebenarnya apakah venereal disease. Dia memberitahu murid dalam kelasnya iaitu venereal disease adalah sejenis penyakit perempuan. Murid ini adalah pesakit saya dan dia datang ke kelinik dan bertanya saya. Doktor, adakah awak seorang pakar sakit perempuan? Saya jawab, bukan. Kalau tidak mengapa di luar kelinik ini ramai orang perempuan? Tuan Yang di-Pertua, saya fikir budak ini adalah ignorant, tetapi adalah tugas kita sebagai pemimpin masyarakat, kita adalah bertugas memberi pengetahuan yang penting ini kepada murid-murid kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Istilahnya Yang Berhormat, bukan sakit perempuan. Itu sebabnya orang perempuan yang sakit. Itu fahamnya (*Ketawa*) tetapi sakitpuan.

**Dr Hee Tien Lai:** Sakitpuan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sakitpuan.

**Dr Hee Tien Lai:** Sakitpuan atau sakit perempuan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Lain (*Ketawa*).

**Dr Hee Tien Lai:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

5.43 ptg.

**Dr Wong Soon Kai (Bandar Sib):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul Dewan ini untuk meminta izin memberi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong penghargaan yang ikhlas kita bagi Titah Ucapan Baginda semasa merasmikan Penggal Pertama Parlimen Kelima.

Titah Ucapan Baginda telah menggambarkan unsur-unsur penting dalam mana perkembangan kemajuan dan kemakmuran negara akan didasarkan. Saya yakin Titah Baginda yang bijaksana akan menjadi sebagai prinsip-prinsip panduan bagi dasar-dasar dan pelaksanaan negara kita pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memulakannya maka saya ingin menyentuh perkara Dasar Ekonomi Baru yang masih merupakan asas pembangunan Ekonomi Malaysia. Sebagaimana seseorang itu faham bahawa

dua tujuan utamanya, adalah pertama menyusun semula masyarakat dan kedua, membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum. Merujuk kepada perkara menyusun semula masyarakat maka saya fikir sangat sedikit sahaja penekanan yang telah diberi oleh pihak Kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai bilangan bukan bumiputra menyertai bidang pertanian. Sungguhpun banyak penekanan yang dibuat untuk menggalakkan lebih ramai bilangan bumiputra menyertai bidang perdagangan dan perusahaan, pada pendapat saya lebih banyak lagi langkah-langkah yang konkrit hendaklah diambil untuk membolehkan bukan bumiputra menyertai bidang pertanian dari bilangan yang sebelumnya itu. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, terdapat sebilangan besar bukan bumiputra di bandar-bandar dalam Sarawak yang ingin menceburkan diri dalam bidang pertanian tetapi disebabkan kekurangan sekim tanah yang sesuai untuk mereka itu maka mereka gagal untuk berbuat demikian. Terdapat juga beribu-ribu keluarga yang terdiri dari peladang-peladang bukan bumiputra yang miskin dan tidak mempunyai tanah di negeri Sarawak dan masalah mereka itu belum lagi dapat diselesaikan dalam jangka masa yang panjang.

Berbagai-bagai sekim tanah Kerajaan yang telah dibangunkan dengan ongkos yang sangat banyak itu belum lagi dibahagikan kepada peladang-peladang bukan bumiputra ataupun tidak sesuai untuk keperluan mereka. Saya percaya keadaan yang sama juga berlaku di Semenanjung Malaysia ini. Dalam apa juga pengertian yang penuh dalam menyusun semula masyarakat maka aspek menggalak lebih banyak bilangan bukan bumiputra menyertai bidang pertanian hendaklah ditekankan lagi di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah kurang berpuas hati dengan hasil yang telah didapati dalam pembahagian yang adil bagi penyelesaian dan hak milik ekonomi bumiputra dalam pelaksanaan Rancangan Ekonomi Baru itu. Sasaran sebanyak 30% ekuiti telahpun diberi keutamaan yang lebih. Tetapi walaupun matlamat ini telah didapati, kita masih lagi belum dapat membasmi kemiskinan kiranya sebahagian besar kekayaan itu ditumpukan kepada sebilangan yang kecil sahaja. Seseorang telahpun meninggal ke arah ini bahawa hendaklah menerima jumlah kadarnya dahulu dan demikian bahagian adil akan dibuatnya sendiri. Sejarah masyarakat kita menunjukkan bahawa ini tidak berlaku.

Pihak Kerajaan mestilah membuat usaha yang tegas supaya segala keuntungan perkembangan ekonomi di negara kita dapat dibahagikan secara adil untuk membantu kaum yang miskin.

Berkenaan dengan pembasmian kemiskinan, saya suka menjelaskan bahawa cukai-cukai yang dikenakan oleh Kerajaan ke atas peladang-peladang kecil seperti getah, lada dan barang-barang eksport yang lainnya itu adalah sangat tinggi jika dibandingkan dengan sektor-sektor lain. Misalnya peladang-peladang kecil yang mempunyai pendapatan prorata sebanyak kira-kira \$4,500 setahun sekeluarga dari hasil tanaman getahnya terpaksa pula membayar kira-kira 26% cukai eksport dan cess dan peladang kecil lada yang menerima hasil kira-kira \$5,000 sekeluarga pada setahun pula membayar 10 hingga 17% cukai eksport dan di samping itu menghadapi satu kerugian yang besar kerana kebun-kebun mereka itu semuanya termusnah akibat kerosakan pokok-pokok yang diserang oleh penyakit foot-rot disease.

Saya sedar bahawa pihak Kerajaan terpaksa mendapat hasil cukai untuk menampung perbelanjaan pembangunan dan berulang yang kian bertambah, tetapi dasar cukai hendaklah sentiasa dikaji semula untuk meringankan bebanan rakyat yang mempunyai pendapatan rendah dan sementara itu pula pihak Kerajaan hendaklah mengelakkan segala perbelanjaan yang tidak begitu mustahak. Oleh itu saya mendesak Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya mengkaji semula segala cukai itu dan mengurangkan kepada satu kadar yang sesuai.

Saya membuat seruan ini terutama sekali bagi pihak ladang lada sebab pada keseluruhannya bahawa lada tidaklah dianggap sebagai sejenis tanaman yang banyak merugikan. Hampir semua peladang lada yang telah menanam pokok lada itu selama lebih 10 tahun mungkin mengalami peristiwa yang sedih itu kerana seluruh kebun mereka itu telah musnah akibat serangan penyakit yang merosak akar itu (foot-rot disease). Oleh kerana tanaman lada tidak mendatangkan sejumlah hasil yang banyak kepada negara kita, maka saya menyeru Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya mengurangkan cukai eksport lada kepada satu kadar yang paling rendah dengan serta merta.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini sebanyak \$44.29 sen bagi satu metrik tan cukai impot dikenakan ke atas baja nitrogenous seperti ammonium sulphate dan lain-lain baja campuran melainkan baja urea, racun serangga dan rumput iaitu insecticides dan weedicides adalah tertakluk kepada cukai impot yang berlainan jumlah. Kesemuanya ini merupakan bahan pertanian yang mustahak tetapi akibat krisis minyak dan inflasi di seluruh dunia maka harganya begitu tinggi menyebabkan bertambahnya beban kewangan yang dipikul oleh peladang-peladang kita terutama mereka yang mempunyai ladang dan kebun-kebun kecil. Dengan demikian maka saya merayu bahawa cukai impot ke atas bahan-bahan ini hendaklah dihapuskan untuk meringankan sedikit beban yang dipikul oleh golongan rakyat kita yang miskin di luarbandar.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa satu dasar pertanian negara yang akan dirangka oleh Kerajaan adalah sangat-sangat dialu-alukan. Pada hakikatnya satu dasar pertanian yang menyeluruh bagi seluruh negara Malaysia untuk membantu segala aspek pembangunan pertanian adalah terlambat dirangka. Di sini saya ingin mencadangkan bahawa Kerajaan mengambil pertimbangan yang penuh terhadap tiga faktor yang tersebut di bawah di dalam rangka dasar itu.

Pertama, penyelesaian-penyelesaian yang memuaskan bagi berbagai masalah tanah yang dihadapi oleh sektor pertanian termasuk perubahan-perubahan yang sesuai di dalam dasar tanah di semua negeri-negeri di Malaysia. Adalah juga harus dihargai bahawa sebarang kemajuan pertanian yang efektif tidak dapat dicapai tanpa kemajuan di dasar tanah yang serentak.

Kedua, penyusunan semula masyarakat pertanian supaya satu penyertaan yang lebih seimbang akan diwujudkan di dalam bidang pertanian.

Ketiga, pengurangan beban kewangan pekebun-pekebun kecil melalui satu sistem cukai yang adil dan pembubaran cukai di atas input-input pertanian yang mustahak.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mempunyai satu dasar perubatan dan kesihatan yang paling progresif. Pihak Kerajaan telahpun membuat usaha-usaha untuk membaiki kemudahan perubatan dan kesihatan terutama sekali di kawasan luarbandar di Sarawak

dan segala usaha itu memanglah sangat dihargai oleh rakyat. Sebagai seorang bekas medical practitioner dahulu saya telah memerhatikan dan berpuas hati dengan kebaikan taraf pemeliharaan perubatan dan kesihatan rakyat semenjak beberapa tahun yang lalu. Walau bagaimanapun jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lebih maju di Malaysia dan dengan negara-negara lain yang lebih maju, kami di Sarawak masih lagi ketinggalan jauh dalam bidang ini. Di sini saya suka mendesak Yang Berhormat Menteri Kesihatan supaya meneruskan tugas Kementerian yang baik itu. Satu daripada permintaan segera yang saya buat ialah membina sebuah hospital umum (general hospital) yang baru di Sibu secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, Sibu adalah bandar yang kedua besarnya di Sarawak, dari segi bilangan penduduknya dan hospital umum yang ada pada masa ini memanglah tidak mencukupi untuk menampung keperluan pesakit yang datang bukan sahaja dari bandar Sibu, malah dari seluruh Bahagian Ketiga, Keenam dan Ketujuh dan juga Bintulu, apabila segala kemudahan tersebut tidak didapati di hospital daerah sana. Saya faham bahawa pihak Kerajaan sudah bersetuju pada amnya membina hospital baru di Sibu, tetapi saya menyeru Kerajaan supaya mengambil langkah tegas untuk melaksanakan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan perkhidmatan perubatan dan kesihatan pula, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Kesihatan bahawa sekim gaji Laporan Jawatankuasa Kabinet yang diberikan kepada bidan-bidan di Sarawak adalah tidak berpatutan. Saya tahu bahawa bidan-bidan di Sarawak adalah terlatih dan diberikan tugas dan tanggungjawab yang berlainan daripada rakan sekerja mereka di Semenanjung Malaysia. Semasa saya menjadi seorang surgical specialist dalam Jabatan Perubatan Kerajaan dahulu, saya tahu bahawa banyak bidan-bidan yang telah bertugas dengan saya itu berpengalaman dan cekap menjalankan tugas mereka dalam maternity ward (ward bersalin) sudah tentu mereka itu sama cekap dengan jururawat. Mereka telah mengajar dan masih lagi mengajar jururawat masyarakat dalam bidang kebidanan, tetapi mereka itu telah diletakkan ke dalam satu sekim gaji yang rendah daripada pembantu jururawat dan jururawat masyarakat. Oleh itu saya menyeru Yang

Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengarah pihak yang berkaitan membetulkan keadaan kurang puas hati dan kehilangan morale di kalangan bidan-bidan dalam Jabatan Perubatan di Sarawak. Sekurang-kurangnya mereka itu hendaklah diletakkan dalam sekim tingkatan gaji yang sama dengan Pembantu-pembantu Jururawat.

Tuan Yang di-Pertua, Sibu memerlukan sebuah lapanganterbang yang baharu. Masa ini perjalanan udara sahajalah satu cara yang mudah dan cepat bagi rakyat pergi balik ke Sibu yang terkenal sebagai pusat perdagangan di negeri Sarawak. Dari itu jika dibandingkan dengan bandar Kuching di negeri Sarawak. Dari itu jika dibandingkan dengan bandar Kuching dan Miri maka lapanganterbang Sibu memanglah tidak mencukupi, hanya kapalterbang jenis Fokker Friendship sahaja yang boleh mendarat di sana. Oleh itu saya mengesyorkan kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan supaya mengambil perhatian berat atas keadaan ini dan:

- (a) Memperbaiki buat sementara lapanganterbang yang ada pada masa ini terutama sekali menambahkan landasan dan memperbaiki bangunan perhentian kapalterbang; dan
- (b) Mulakan pembinaan sebuah lapanganterbang yang baharu dan moden lebih awal lagi untuk membolehkan jenis pesawat terbang yang besar untuk mendarat.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah perbelanjaan yang besar, saya sedar diperuntukkan dalam bidang pelajaran di Malaysia, merupakan satu tanda bahawa pihak Kerajaan mendapat hak keutamaan negara ini. Namun demikian, saya mohon supaya pihak Kerajaan memberi lebih pertimbangan yang sepatutnya dalam soal sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan aliran bahasa China terutama sekali dalam negeri Sarawak. Masa ini sementara sebilangan besar masyarakat China di Sarawak telah menerima dengan sepenuh-penuhnya pelajaran Bahasa Malaysia, mereka juga mahu menjaminkan bahawa anak-anak mereka hendaklah belajar Bahasa China juga. Ini adalah satu hakikat yang sah dan sudah tentu tidak akan membahayakan perpaduan negara dan bangsa, selagi tidak timbul perasaan penindasan di kalangan kaum. Issue ini dengan mudahnya dapat dieksploitasikan oleh beberapa golongan untuk menimbulkan sentimen pertelingkahan kaum.

Ada banyak tempat-tempat, Tuan Yang di-Pertua, di dalam negeri Sarawak di mana penduduk-penduduk masyarakat tempatan China memohon supaya sekolah-sekolah rendah aliran bahasa China jenis kebangsaan yang baharu perlu dibina untuk memenuhi keperluan mereka dan ada banyak juga tempat-tempat di mana kelas-kelas baharu dalam sekolah-sekolah rendah China diperlukan. Di peringkat pembangunan negara kita masa ini khususnya di Sarawak di mana penggunaan Bahasa Malaysia dilaksanakan beberapa tahun terkemudiannya dari negeri-negeri semua di Semenanjung Malaysia, pihak Kerajaan hendaklah terus menggalakkan pelajaran rendah jenis kebangsaan demi kepentingan perpaduan dan kebahagiaan negara, khasnya saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya meluluskan permohonan untuk sebuah sekolah rendah aliran bahasa China jenis kebangsaan di Jalan Oya Sibu untuk menampung keperluan beberapa ratus keluarga keturunan China yang tinggal di sepanjang jalan sejauh 10 hingga 15 batu. Satu permohonan tersebut telahpun dikemukakan kepada Yang Berhormat oleh wakil penduduk-penduduk di Sibu. Saya telah difahamkan hanya Yang Berhormat Menteri Pelajaran sahaja mempunyai kuasa untuk meluluskan sekolah rendah Cina jenis kebangsaan dan saya menyeru kepada Yang Berhormat supaya memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada permohonan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pelajaran, saya suka menyeru pihak Kementerian Pelajaran supaya menyelesaikan masalah guru-guru graduate dan bukan graduate sementara di negeri Sarawak, kerana kebanyakan daripada mereka itu telahpun terus mengajar semenjak tahun 1965 dahulu. Taraf kedudukan sementara mereka itu melibatkan gaji dan kenaikan pangkat yang tidak seimbang kerana mereka itu menjalankan tugas guru-guru yang terlatih bagi semua tujuan dan kehendak tetapi mereka itu tidak diberi perakuan yang sewajarnya. Saya telah difahamkan bahawa usaha-usaha sedang dibuat untuk melatih mereka supaya mereka semua dapat menjadi guru tetap. Saya harap rancangan latihan seperti itu akan dilaksanakan dengan secepat mungkin tanpa diabaikan lagi dan gaji baharu mereka itu disesuaikan dari tarikh kebelakangan.

Tuan Yang di-Pertua, televisyen menjadi alat cara kehidupan bagi kebanyakan rakyat di negara kita. Ia merupakan alat pelajaran, alat hiburan dan juga membantu pembangunan ekonomi dan memupukkan perpaduan negara. Walau bagaimanapun pelaksanaan televisyen di Sarawak juga menimbulkan perasaan tidak puas hati juga di kalangan sebilangan besar rakyat terutama sekali mereka yang bukan lagi mahir dalam Bahasa Malaysia. Apa yang mereka mahu ialah kemudahan-kemudahan yang sama seperti terdapat di Semenanjung Malaysia, patut juga disediakan di Sarawak dan Sabah. Ini sangatlah mustahak kerana tujuan Kerajaan ialah memberi didikan dan memajukan pembangunan ekonomi dan memupukkan perpaduan menerusi televisyen. Oleh yang demikian, saya mohon Yang Berhormat Menteri Penerangan supaya mendapatkan peruntukan wang untuk meluaskan lagi kedua rangkaian televisyen yang sudah ada di Semenanjung Malaysia itu ke Sabah dan Sarawak dan juga di bawah Rancangan Malaysia Ketiga jumlah wang yang dibelanjakan itu akan memberi faedah yang bermakna bukan sahaja untuk semua penuntun televisyen tetapi juga merapatkan rakyat supaya menyokong pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan adalah satu daripada tanggungjawab Kerajaan yang sangat mustahak. Rakyat di Sarawak terutama sekali mereka yang tinggal di Sibuan menghargai ketenteraman dan keselamatan yang mana sangat mustahak dalam kehidupan dan kebahagiaan mereka sehari-hari. Sungguhpun masih ada sebilangan saki baki anasir sabversif berkeliaran di dalam hutan dan di beberapa kawasan luar bandar yang terencil keadaan keselamatan sudahpun bertambah baik dalam beberapa tahun ini. Walau bagaimanapun kita sedar bahawa untuk menghapuskan anasir-anasir sabversif itu semua sekali rakyat mestilah menyalah pihak Kerajaan. Oleh itu banyak usaha hendaklah terus dibuat untuk menawan hati rakyat supaya memihak kepada Kerajaan. Perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, sudahpun dan sedang dibuat dengan hasil yang memuaskan. Namun demikian, saya suka membangkitkan di sini dua perkara yang mana saya percaya Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sudahpun memahami.

Yang pertama soal betapa mustahaknya menyerahkan senapang shotgun kepada pihak berkuasa polis semenjak permulaan darurat

(emergency) dalam negeri Sarawak. Kebanyakan tuan punya senapang itu ialah peladang China yang memerlukan senjata itu untuk menjaga kebun mereka. Apabila senapang-senapang itu diserahkan kepada mereka mungkin menimbulkan satu keadaan yang berbahaya kepada keselamatan, maka adalah berpatutan sekarang setelah beberapa tahun yang silam mereka yang mempunyai senjata tersebut dibayarkan gantirugi atas harta mereka itu. Pada hal itu bukanlah kesalahan mereka sendiri dan saya faham pihak Kerajaan misalnya ada membayar gantirugi terhadap segala tanah yang diambil untuk membina jalanraya bagi kegunaan orang ramai. Rakyat berkenaan selalu diberitahu bahawa apabila keadaan keselamatan pulih seperti sedia kala dan tiada lagi anasir-anasir sabversif maka segala senapang shotgun mereka itu akan dikembalikan. Walau bagaimanapun apabila mereka melihat banyak rakyat di rumah-rumah panjang dan kampung-kampung dibenar memiliki senapang dan tidak pula menimbulkan bahaya keselamatan, mereka merasa bahawa layanan yang tidak adil diberikan kepada rayuan mereka. Oleh yang demikian, maka saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya mengkaji semula permohonan rakyat ini dan di mana ada kemungkinan dan kebenaran mengembalikan senapang itu kepada mereka ataupun sebaliknya membayar gantirugi kepada mereka itu. Saya percaya golongan rakyat yang bekerjasama dengan kepercayaan dalam keadilan Kerajaan adalah lebih kuat dari senapang-senapang itu dalam mengendalikan keadaan keselamatan.

Yang kedua, soal kampung-kampung baru (new villages) yang terkawal dekat Kuching iaitu Tapah, Beratok dan Siburan. Rakyat yang bermastautin di kampung-kampung ini bersyukur bahawa beberapa hari dahulu Kerajaan telah menarik balik sekatan supaya memberi peluang keluar dan masuk dari kampung-kampung itu sepanjang masa 24 jam. Walau bagaimanapun sekatan-sekatan masih dikenakan ke atas penduduk-penduduk terhadap pengambilan pekerja di Kuching atau tempat-tempat lain keluar dari kampung-kampung untuk bermastautin dan berkahwin di luar kampung itu dan sebagainya. Mungkin, Tuan Yang di-Pertua; tidak dihirgahi bahawa terdapat kesusahan-kesusahan dan frustrasi yang besar khasnya bagi generasi muda yang mana mobiliti jenerasi tersebut adalah perlu supaya mencari kehidupan

di luar kampung-kampung ini. Pada hakikatnya semasa sekatan-sekatan dharurat dikenakan mereka masih anak-anak atau bayi-bayi. Sejauh mana orang ramai dan pegawai-pegawai Kerajaan berkenaan kawalan di dalam kampung-kampung baru ini hendaklah ditarik balik sama sekali. Kepada mereka ini tidak memberi faedah selain dari menimbulkan kesukaran masalah sosial dan satu punca yang tidak menyenangkan terhadap pihak berkuasa. Rakyat telahpun diterangkan bahawa selagi anasir-anasir sabversif masih ujud dalam Bahagian Pertama di Sarawak, maka adalah lebih baik meneruskan kawalan ke atas kampung-kampung ini. Tetapi saya dengan jujur berpendapat ini bukanlah satu keputusan yang bijak. Saya mendesak Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri supaya mengkaji perkara ini dan menarik balik sama sekali kawalan dalam kawasan-kawasan tersebut. Saya percaya kebaikan akan menjauhkan kemungkinan akibat yang buruk.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Baginda adalah sungguh memuaskan untuk mempelajari bahawa segala kecekapan tenaga dan kekayaan negara akan digunakan oleh Kerajaan untuk melaksanakan berbagai rancangan. Ini adalah satu dasar yang bijaksana. Meskipun bilangan pengangguran di Malaysia ini masih lagi rendah jika dibandingkan dengan negara-negara lain yang sedang membangun tetapi masih banyak lagi masalah dalam pekerjaan buruh dan tenaga manusia kita. Hanya apabila sesebuah negara itu dapat menggunakan dengan sepenuhnya buruh dan tenaga manusia untuk pembangunan ekonomi maka ianya akan mencapai kemakmuran yang maksima.

Kita pernah mendengar iaitu kita kekurangan pakar. Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ada pengumuman iaitu Malaysia kekurangan lebih 3,000 orang jurutera tetapi sebenarnya lebih dari 50 orang Civil Engineering graduates dan kira-kira 20 orang Mechanical Engineering dan Electrical Engineering graduates masih lagi mencari pekerjaan di Sarawak. Apabila ditanya kepada Jabatan yang melaksanakan kerja itu seperti Jabatan Kerjaraya samada pihaknya memerlukan lagi jurutera untuk memenuhi matlamat pembangunan, maka jawabnya "Ya" tetapi pihak Jabatan Perkhidmatan Awam pula tidak meluluskan jawatan-jawatan tersebut dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu berapa banyakkah kawalan dan perancangan pihak Kerajaan terhadap pekerjaan anggota-anggota sektor swasta seperti jurutera. Pihak sektor swasta juga boleh menjadi sebuah tempat yang mustahak untuk pekerjaan walaupun pihak Kerajaan merupakan majikan yang terbesar bagi anggota-anggota yang pakar.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga soalan graduates keluar negeri yang masa ini ijazah mereka itu tidak diiktirafkan oleh pihak Kerajaan bererti ijazah beberapa universiti India, Nanyang University, Taiwan dan lain-lainnya. Sudah tentu mereka itu merupakan tenaga manusia yang berguna untuk negara kita. Saya syorkan semua dasar yang melibatkan soalan mengiktirafkan ijazah luar negeri hendaklah dikaji semula untuk mengambil dan menerima orang-orang ini ke dalam aliran pekerjaan kebangsaan.

Saya fikir perumusan bagi dasar ini mestilah jangan diserahkan kepada pihak bureaucrats semata-mata siapa yang menganggap kertas ijazah dan kelulusan itu sebagai satu barang yang suci. Kiranya segala ijazah ini tidak dapat diiktirafkan taraf dengan ijazah-ijazah yang diterima itu maka adalah perlu memberi mereka taraf pengiktirafan yang tertentu dan sesuai. Sekiranya taraf ini pula dianggap tidak dapat dipastikan maka hendaklah ada satu badan yang menentukannya menerusi misalnya temuduga atau pemeriksaan. Adalah tidak berfaedah mengatakan kepada mereka itu mereka sepatutnya jangan menuntut atau mangambil ijazah-ijazah yang tidak diiktirafkan. Jelas sekali keadaan yang mendesak mereka mengambil ijazah tersebut. Adalah adil bagi Kerajaan menggunakan tenaga manusia ini dengan baiknya dan di samping itu pula mengelakkan kekeciwaan dan keadaan yang tidak puashati akibat dari tidak mengiktiraf dan pengangguran. Dengan cara politik, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini dapat dibuat dan ini akan membawa sebilangan besar golongan intelektual di negara kita menyokong pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, rasuah merupakan satu penyakit sosial iaitu memakan hasil negara, mengabaikan kecekapan jentera Kerajaan, memberi malu kepada rakan-rakan sekerja dan menjejaskan nama baik mereka, serta melemahkan moral seluruh negara. Saya percaya bahawa Kerajaan Barisan Nasional

berikrar hendak mewujudkan sebuah Kerajaan yang bersih dan cekap dan inilah satu-satunya sebab utama mengapa rakyat kita memberi undi yang majoriti kepada Kerajaan sekarang.

Pihak Kerajaan telah melaksanakan perubahan gaji untuk menjamin kehidupan sempurna pekerja-pekerja awam dan keperluan keluarga mereka yang halal itu dengan memuaskan. Walau bagaimanapun pihak Kerajaan tidak dapat memuaskan kelobaan beberapa orang manusia. Oleh itu maka rasuah masih lagi terjadi dan adalah menjadi satu kenyataan iaitu malangnya seseorang itu masih mendengar perbuatan rasuah berlaku di banyak tempat pada semua peringkat dalam jabatan-jabatan Kerajaan.

Saya tahu bahawa pihak Biro Siasatan Negara menjalankan tugas penyiasatan ke atas mereka yang terlibat dan mendakwa mereka itu ke mahkamah dan pihaknya telahpun selama ini menjalankan satu tugas yang cemerlang. Tetapi supaya lebih tegas lagi saya fikir jabatan berkenaan perlu diperbesar dan diberi kuasa yang banyak supaya penyiasatan ke atas orang yang disyaki itu dapat dijalankan dengan cepat dan hukuman berat akan dikenakan dengan secepat mungkin.

Saya menyokong supaya satu pertambahan diberi dalam peruntukan wang bagi jabatan tersebut untuk tujuan ini dan pihak Kerajaan hendaklah menentukan bahawa orang-orang yang paling layak akan diambil untuk bertugas di jabatan itu. Saya percaya bahawa Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn yang cekap itu akan menjalankan tugasnya dengan dedikasi untuk menghapuskan perbuatan rasuah di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

6.28 ptg.

**Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Usul Menjunjung Kasih yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau.

Dalam menyokong usul ini, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menekankan betapa pentingnya dipupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat negeri ini. Memupuk semangat perpaduan bukanlah satu perkara yang mudah. Ia memakan masa dan mengikut proses evolusi. Dalam hal ini, Jabatan Perpaduan Negara adalah memainkan peranan yang penting dan mustahak, Kegiatan-kegiatan Jabatan ini hendaklah ditingkatkan dengan lebih tinggi lagi supaya tiap-tiap kegiatan yang dijalankannya itu akan betul-betul berkesan.

Dahulu kita selalu mendengar jamuan perpaduan muhibbah diadakan, tetapi sejak akhir-akhir ini perjumpaan seperti itu jarang kedengaran. Adalah diharapkan bahawa kegiatan-kegiatan yang menyeluruh dari peringkat bawah hendaklah sentiasa dipupuk, kerana perpaduan dari peringkat bawah inilah yang amat mustahak dan perlu dititikberatkan. Semangat perpaduan cintakan negara dan bangsa hendaklah selalu ditekankan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah sampai. Yang Berhormat boleh sambung esok. Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari esok, Jumaat, 13hb Oktober, 1978.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*